



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4429]

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 4460]

**USUL:**  
Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 4460]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas)
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN  
HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan  
Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K.,  
K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE  
E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN  
HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN  
YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO'  
SHAHRIK BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI  
OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM  
LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI  
BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO'  
ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N.  
(Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI  
ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL  
RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL  
RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU'BAKAR BIN DATU  
BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN  
JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD.  
KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA  
CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu  
Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan  
Kelang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN  
HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHD.  
A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN  
MUHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar  
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.  
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).  
Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang  
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* Chan Kit (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Damansara).

- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai). Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.  
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom bin Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 27hb Oktober, 1981

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

RUMAH KOS RENDAH DI BALING—  
PENYELEWENGAN PEMBAHAGIAN

1. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar mengenai penyelewengan dalam pembahagian rumah kos rendah di Pekan Baling, yang mana orang yang tidak layak dan sudahpun mempunyai rumah sendiri yang selesa, telah diketepikan. Jika sedar, bagaimanakah penyelewengan ini boleh berlaku dan apakah tindakan yang akan diambil bagi membetulkan keadaan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa pembahagian rumah-rumah awam kos rendah adalah terletak di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Negeri masing-masing. Begitu jugalah dengan pembahagian rumah-rumah kos rendah projek Pekan Baling yang mana telah diuruskan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan untuk projek-projek perumahan awam kos rendah bagi negeri Kedah.

Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir lengkap mengenai penyelewengan yang

tersebut maka bolehlah dikemukakan maklumat yang tersebut kepada Kementerian saya untuk diambil perhatian sewajarnya sekiranya benar.

BASMI KEMISKINAN DI LUAR BANDAR

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana dasar Kerajaan dalam membasmi kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar dapat dilaksanakan setakat hari ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970, seramai 705,900 daripada 1,203,400 isirumah atau 58.7% dalam kawasan luar bandar menderitai kemiskinan. Pada 1975 pula, 729,900 daripada 1,348,400 isirumah atau 54.1% daripada penduduk luarbandar adalah di bawah garis kemiskinan. Pada 1980, bilangan isirumah luarbandar yang miskin adalah 568,500 daripada 1,509,600 atau 37.7% sahaja didapati miskin.

Oleh itu, dalam tempoh sepuluh tahun pertama Dasar Ekonomi Baru, kita telah mencapai kemajuan dalam usaha menghapuskan kemiskinan dari 705,900 isirumah (58.7% pada 1970) kepada 568,500 isirumah (37.7% pada 1980) sungguhpun jumlah bilangan isirumah di desa telah meningkat dari 1,203,400 pada 1970 kepada 1,509,600 pada 1980.

Kejayaan dalam usaha membasmi kemiskinan telah diperolehi dengan melaksanakan pelbagai program meningkat pendapatan melalui mewujudkan pekerjaan, penambahan daya pengeluaran dan sebagainya. Antara program-program tersebut ialah perancangan penempatan semula, pembukaan tanah besar-besaran,

pertanian, perikanan, ternakan, perindustrian kecil luarbandar dan sebagainya. Di samping itu, peningkatan daya pengeluaran secara tidak langsung telah juga dilakukan melalui beberapa projek kesihatan, pelajaran, kemajuan masyarakat dan sebagainya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, dalam kajian mengenai pembasmian kemiskinan di luarbandar, suka saya mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada pihak Kerajaan ada menjalankan satu kajian yang menyeluruh tentang kemiskinan yang terdapat di kampung-kampung baru di 465 buah kampung baru di negara kita memandangkan bahawa masalah kemiskinan di semua kampung baru itu adalah amat serius dan sekiranya ada, bolehkah saya mendapat tahu daripada Kerajaan apakah rancangan yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah kemiskinan ini?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya ini soalan lain, soalan mengenai luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kampung baru dalam kawasan luar bandarkah atau dalam kawasan bandar?

**Tuan Lee Lam Thye:** Kampung baru sebagai luar bandar dan saya ingin mendapat tahu dalam rancangan membasmi kemiskinan di luar bandar apakah langkah yang ada untuk mengatasi masalah kemiskinan di dalam kampung baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dalam kawasan luar bandar termasuk dalam apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Kalau hendak khas untuk kampung baru terpaksa beri notislah.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa di antara alasan-alasan atau asas yang digunakan untuk menentukan bahawa kejayaan kadar pembasmian kemiskinan itu ialah Kerajaan menggunakan asas yang tidak kukuh di antaranya kerana sepertimana yang terdapat dalam sama ada kajian semula

Rancangan Malaysia Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Keempat bahawa asas yang digunakan itu ialah kenaikan harga getah sebagai asas untuk menentukan kadar kemiskinan itu berkurangan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa asas ini tidak kukuh kerana ini bergantung kepada naik dan turunnya harga getah dan kerana itu pada waktu sekarang ini apabila harga getah turun bermakna bahawa kadar itu juga turut berubah dan alasan yang digunakan itu adalah tidak kukuh dari segi ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua saranan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar iaitu apabila dikata tidak kukuh Kerajaan berpendapat asasnya kukuh.

Yang kedua, dikatakan bahawa asasnya ialah berasaskan kepada harga getah, itu pun tidak benar—kedua-duanya tidak benar. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat asas pengiraan kita dari segi kemiskinan ialah berasaskan kepada pendapatan seisi rumah yang purata lebih kurang 5 orang iaitu ibubapa dan 3 orang anak. Pada tahun 1970 ukuran yang digunakan oleh Kerajaan ialah untuk satu family yang lebih kurang 5 orang dan pendapatannya \$180 ke bawah dianggap sebagai family yang miskin, tetapi pada tahun 1980 ukuran ini telah dinaikkan ke peringkat \$290 seisi rumah dan di bawah daripada itu dianggap miskin.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bila Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan hendak menghapuskan kemiskinan, apakah istilah kemiskinan itu termasuk kebuluran. Yang kedua, apakah ada berlaku umpamanya kejadian kebuluran seperti yang berlaku di kawasan Baling dahulu.

**Dato' Musa Hitam:** Itu tidak ada kejadian kebuluran di dalam negara ini disebabkan kemiskinan. Atas saranan Ahli Yang Berhormat kejadian yang dikatakan di Baling ini ialah merupakan propaganda anasir-anasir anti nasional dan yang tertentu apabila mereka mengelolakan tunjuk perasaan waktu saya masih lagi menjadi Menteri Perusahaan Utama dahulu.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Perkataan 'membasmi kemiskinan' saya ingin mendapat penjelasan yang lanjut daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada perkataan 'membasmi kemiskinan' ini menjadi matlamat kepada Kerajaan kita atau boleh dikurangkan sedikit daripada 'membasmi kemiskinan' itu kepada 'mengurangkan kemiskinan'? Saya minta penjelasan

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan ialah merupakan satu daripada matlamat; manusia ini kalau tidak ada matlamat dia tidak tuju ke sana, sama ada kita tiba 100% berjaya atau tidak terpulangnya kepada usaha kita, dan Kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat di situ.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa asas yang digunakan alasan itu tidak benar. Sebenarnya ini disebutkan di dalam buku rasmi Kerajaan sendiri iaitu bahawa di antara sebab-sebab yang menyebabkan naiknya peratus pembasmian kemiskinan itu ialah kerana kenaikan harga getah. Dan apabila disebutkan juga bahawa kadar pendapatan isi rumah telah dinaikkan daripada \$200 dalam tahun 1970 hingga \$286 dalam tahun 1976 iaitu kenaikan sebanyak 6.1%. Ini juga boleh dipersoalkan kerana apabila kita timbangkan tentang kenaikan harga barang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya banyak kali mengingatkan kepada Dewan ini supaya jangan berbahas kalau mengemukakan pertanyaan tambahan tetapi tidak berbentuk bahasan itu ditegah oleh Peraturan Mesyuarat. Sila teruskan, apa dia soalan tambahannya?

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah hujah yang mengatakan bahawa sejauh mana benarnya apa yang disebutkan dalam buku Rancangan Malaysia Keempat itu iaitu harga getah itu sebagai satu pertimbangan.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada percanggahan di atas

kedua-dua kenyataan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu kalaulah benar diperkatakan saya tidak dapat membuat reference kepada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kalaulah benar diperkatakan di antara sebab-sebabnya kemiskinan bertambah kurang ialah kerana kenaikan harga getah—pendapatan daripada penoreh-penoreh getah, ini tidak bercanggah dengan saya menyatakan bahawa asas pengiraan sama ada sesuatu family itu miskin atau tidak ialah berasaskan kepada pendapatan bulanan, tidak ada percanggahan langsung pada pendapat saya.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam jawapan yang diberi tadi nampaknya asas kemiskinan ataupun kekayaan itu bergantung kepada sesuatu family 5 orang dan pendapatannya \$290 sebulan kerana kita tahu luar bandar ini sama ada pak tani ataupun pekebun-pekebun kecil, apakah tindakan Kerajaan hendak membasmi kemelesetan pendapatan rakyat pada hari ini iaitu seorang pekebun kecil tidak pun sampai \$50 ataupun penanam padi oleh sebab penyakit yang mereka dapat begitu meleset sekali pendapatan mereka, apakah tindakan Kerajaan hendak membasmi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir soalan tambahan ini ada termasuk nanti dalam soalan ke 4. Kalau Yang Berhormat hendak tunggu di situ?

**Dato' Musa Hitam:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Fung Ket Wing (Dengan izin)** I would like to ask the Deputy Prime Minister whether there is any plan to eradicate poverty among the rural people in Sabah and Sarawak particularly in those kampungs where there are no access roads.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, apabila disebutkan rancangan pembasmian kemiskinan, tidak ada bezanya antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung, ini kita bercakap berhubung dengan nasional. Jadi

jawabannya ialah sama berasas kepada jawapan yang telah saya kemukakan tadi, melainkan kita menerima hakikat kenyataan bahawa kedudukan di Sabah dan Sarawak itu berbeza sedikit oleh sebab ketinggalan kerana sejarah dan accident of history dari segi kedudukan Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itulah di dalam lawatan saya ke Sarawak baharu-baharu ini saya telah menyatakan bahawa suatu rancangan khas dari segi pembangunan luar bandar akan dilaksanakan malahan sekarang sedang mengkaji strukturnya supaya strategi pembangunan luar bandar di Sarawak dan di Sabah itu akan berasas kepada pengalaman kita apabila kita mula-mula melancarkan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar. Jadi inilah pada amnya dari segi strategi dan cara kita hendak mengatasi masalah-masalah pembangunan di luar bandar di Sabah dan Sarawak. Itu sahaja perbezaannya, lain tidak.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu sama ada beliau sedar bahawa di antara rancangan-rancangan besar Kerajaan seperti MADA telah gagal di dalam usaha menghapuskan kemiskinan kerana ia tidak menyentuh faktor utama kemiskinan itu misalnya penanaman-penanam padi di Kedah walaupun rancangan itu dapat membekalkan air dengan sempurna tetapi ia tidak mengubah faktor utama iaitu kerana tanah yang dimiliki oleh petani-petani itu tidak luas dan tidak ekonomik, jadi mereka terus mengekalkan kemiskinan walaupun rancangan besar-besaran diuntukkan untuk mereka kerana faktor ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat Kerajaan rancangan MADA tidak gagal. Kalau hendak ditarik satu persatu faktor dan diteliti barangkali ada kelemahan-kelemahannya. Dan apabila Kerajaan menyatakan berjaya atau tidak, kita melihat dari segi segala sudut dan melihat dari segi kecapaiannya pada keseluruhannya. Kita tidak menafikan bahawa tentulah ada aspek-aspek yang kekurangan dan memanglah kita memberi kesempatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menunjukkan masalah-

masalah ini tetapi ini bukan tempatnya, di dalam perbahasan bolehlah disebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Stephen Robert Evans.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, pertanyaan No. 3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

### TARAF DIPLOMATIK KEPADA PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO)

3. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S. O. 24*) (2) minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pengiktirafan Malaysia ke atas Pertubuhan Pembebasan Palestin (P.L.O.) dan penubuhan kedutaan di Kuala Lumpur akan mendatangkan kesan kepada perhubungan diplomatiknya dengan Amerika.

**Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kerajaan memberi taraf diplomatik kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang mendapat persetujuan dan restu penuh Dewan yang mulia ini termasuk dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang membuktikan penglibatan yang penuh dan tidak berbelah bagi di antara Kerajaan dan rakyat Malaysia untuk mencapai penyelesaian politik yang menyeluruh terhadap masalah Asia Barat. Sehingga ini tidak ada sebarang reaksi dari pihak Amerika Syarikat berhubung dengan tindakan itu.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sama ada Malaysia sahaja yang telah memberikan taraf kedutaan dan pengiktirafan kepada PLO ini atau ada di dalam ingatan Yang Berhormat Menteri beberapa banyak negeri yang telahpun memberikan pengiktirafan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan penuh kepada pertanyaan tambahan ini sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada masa membahaskan minggu

lepas, jadi tidak boleh dibangkitkan lagi di bawah Peraturan Mesyuarat.

## DASAR EKONOMI BARU—PENCAPAIAN

**4. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan pada ketika kita telah berada di separuh jalan Dasar Ekonomi Baru negara ini maka sejauh manakah Dasar Serampang Dua Mata itu telah berhasil terutamanya pada objektif menyusun semula masyarakat di samping objektif pertama menghapuskan kemiskinan dan sejauh mana pula harapan negara dalam mencapai kedua objektif ini untuk tiba di garisan penamat kelak.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpuashati atas pencapaian kedua-dua objektif serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru setakat ini.

Pada keseluruhannya kadar kemiskinan purata negara, yakni kawasan bandar dan luar bandar, telah turun daripada 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29.2% dalam tahun 1980 dan kadar ini adalah lebih baik dari matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), iaitu 34% bagi tahun 1980. Kedudukan sosio-ekonomi kumpulan-kumpulan miskin tertentu seperti pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan, pekebun kecil kelapa, pekerja ladang, penduduk kampung-kampung baru, buruh pertanian, orang asli dan kumpulan miskin di bandar telah bertambah baik dalam tempoh tersebut.

Mengenai program penyusunan semula masyarakat, kejayaan telah juga dicapai dalam memperbaiki keadaan ekonomi kaum bumiputra dan kaum-kaum lain. Dari segi penyusunan semula gunatenaga, pembahagian gunatenaga mengikut kaum telah bertambah baik sejajar dengan tujuan supaya gunatenaga dalam semua sektor dan peringkat menggambarkan suasana kaum di negara ini. Kemajuan dari segi hakmilik dalam sektor syarikat pula telah menunjukkan bahawa modal saham bagi pemastautin di Malaysia telah bertambah dari 38.3%, kepada 52.5% sementara hak-milik orang asing berkurangan dari 61.7% kepada 47.5% dalam tempoh yang sama. Modal saham milik bumiputra dari agensi-agensi Amanah Bumiputra telah meningkat dengan

pesat pada kadar purata 31.3% setahun menjadikan bahagiannya bertambah dari 4.3% dalam tahun 1971 kepada 12.4%, sungguhpun ini adalah kurang daripada 16% seperti yang dijangka dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) dalam tahun 1980. Kaum bumiputra juga mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta latihan dalam berbagai peringkat dan pengkhususan.

Berpandukan kepada kejayaan-kejayaan serta pengalaman-pengalaman yang lalu dan dengan sokongan yang akan diberikan oleh semua golongan, Kerajaan yakin bahawa kejayaan akan dicapai mengikut matlamat-matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai penyusunan semula masyarakat yang mana seperti mana yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat tadi bahawa ianya berasaskan penyusunan dari segi kedudukan kaum dalam ekonomi tetapi apakah juga termasuk di dalam soal mendekatkan jurang perbezaan pendapatan antara golongan berada dengan golongan tidak berada dan dalam aspek ini sejauh manakah Kerajaan telah berjaya mendekatkan jurang itu?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua aspek ini ada berkaitan di antara satu sama lain. Dari segi mengurangkan jurang pendapatan ukurannya ialah berasaskan kepada apakah kejayaan kaum bumiputra kalau dibandingkan dengan kaum lain dan juga kalau dibandingkan dengan pihak-pihak asing yang mempunyai modal pada keseluruhannya. Jadi berasas kepada faktor-faktor inilah yang ada kaitan di antara satu sama lain, maka langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan telah menyebabkan pencapaian yang saya sebutkan tadi. Dari segi apakah langkah-langkah yang telah diambil pada masa dahulu akan diteruskan di dalam jangka masa 10 tahun yang akan datang dan ianya terlampau panjang barangkali hendak disenaraikan satu persatu.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri saya yakin di atas dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan hari ini telah mendapat kejayaan, baikpun soalan No: 2 begitu juga soalan No: 4. Sebab-sebabnya ialah di atas perancangan-perancangan Kerajaan seperti MADA yang dikatakan tadi, begitu juga rancangan-rancangan lain. Jadi apakah rancangan Kerajaan yang akan menambahkan lagi supaya Dasar Ekonomi Baru ini akan bertambah kuat dengan mengadakan rancangan-rancangan sebagaimana yang saya maksudkan tadi?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan ini terkandung di dalam strategi Dasar Ekonomi Baru amnya dan terkandung di dalam Rancangan-rancangan Malaysia Lima Tahun khasnya dan rancangan-rancangan ini seperti saya katakan tadi telahpun disenaraikan pada keseluruhannya apabila kita melancarkan Rancangan Malaysia Keempat dan apabila pula tiap-tiap tahun dibentangkan Rang Undang-undang Perbelanjaan Tahunan. Jadi seperti saya katakan tadi begitu luas dan semua satu persatunya telahpun disenaraikan.

#### GETAH/TIMAH/MINYAK KELAPA SAWIT—MENSTABILKAN HARGA

**5. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebabnya yang mengakibatkan harga rendah bagi bahan-bahan mentah seperti getah, timah, minyak kelapa sawit, kayu-kayan dan lada dan langkah-langkah menasabah yang telah diambil untuk meninggikan dan menstabilkan harga-harganya.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, pada amnya, harga bahan-bahan utama yang rendah adalah disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada masa ini. Bukan sahaja permintaan telah berkurangan akibat dari keadaan ini tetapi juga kadar faedah yang tinggi di kebanyakan negara telah menyebabkan stok disimpan pada paras yang paling rendah dengan pembelian dibuat

secara, dengan izin, 'on a hand to mouth basis'. Sungguhpun harga bagi kebanyakan bahan-bahan utama adalah rendah, namun demikian harga bagi timah telah pulih kembali kepada paras yang lebih baik manakala harga minyak kelapa sawit adalah bertahan pada peringkat yang baik.

Pada amnya, harga bahan-bahan utama adalah ditentukan oleh faktor-faktor permintaan dan pembekalan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk cuba menahan harga bahan-bahan ini daripada jatuh pada tahap yang tidak ekonomik menerusi Skim Penstabilan Harga Bahan-bahan Utama seperti timah dan getah.

Berhubung dengan getah, Pengarah Eksekutif Organisasi Antarabangsa Bagi Getah Asli (INRO) telahpun memanggil sumbangan kewangan dari Kerajaan-kerajaan yang menjadi ahli pertubuhan tersebut untuk mewujudkan Akaun Stok Penimbal dengan tujuan untuk membolehkan operasi stok penimbal dimulakan sekiranya harga petunjuk harian pasaran yang merupakan harga purata bagi RSS I, RSS III dan TSR 20 jatuh di bawah peringkat paras harga rendah perjanjian. Perjanjian Antarabangsa Getah Asli menguntukkan bahawa satu Stok Penimbal Antarabangsa diwujudkan yang berjumlah 400,000 tan getah dengan ditambah 150,000 tan dalam bentuk stok penimbal "Contingency" bagi mengawal dan menentukan harga getah dikekalkan di paras yang ekonomik. Pembiayaan stok penimbal berdasarkan kepada kadar 50-50 di antara negara-negara pengguna dan pengeluar menentukan bahawa Malaysia tidak terpaksa menanggung segala beban bagi menstabilkan harga getah.

Berhubung dengan timah pula, kita telah mengadakan Persidangan Majlis Timah Antarabangsa di Kuala Lumpur pada minggu lepas dan negara-negara pengeluar telah menggesa supaya jarak harga (price range) dalam perjanjian dikaji semula supaya bersesuaian dengan kos pengeluaran yang telah meningkat sejak kajian terakhir pada bulan Mac, 1980. Hasil daripada usaha ini Persidangan Majlis tersebut telah bersetuju untuk menaikkan harga lantai dari \$27.28 kepada \$29.15 dan harga bumbung

ditingkatkan dari \$35.47 kepada \$37.89. Ini memberikan pertambahan harga sebanyak 6.85% seperti yang telah dipersetujui oleh Majlis Timah Antarabangsa.

Juga terdapat prospek yang baik bagi mengujudkan satu skim penstabilan harga untuk lada dan perkara ini sedang dikaji oleh Pertubuhan Antarabangsa Lada (IPC) di mana ahli-ahlinya mengeksport lebih kurang 95% daripada lada di pasaran dunia.

Selain daripada Perjanjian Antarabangsa ini bahan-bahan utama untuk menstabilkan harga, jawapan yang paling berkesan sekali dalam menghadapi kejatuhan harga bahan-bahan adalah dengan menentukan supaya kemajuan-kemajuan dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran bahan-bahan utama kita diteruskan dan juga digalakkan usaha-usaha pemerosesan tempatan bagi menambah keluaran berasaskan bahan-bahan utama dalam berbagai bentuk. Memandangkan kepada hakikat ini kita telah menekankan usaha-usaha berikut diutamakan seperti program rancangan tanaman semula, penyediaan dan pembangunan, dan pemindahan teknologi khususnya kepada sektor pekebun kecil yang tidak teratur (unorganised) dan pemerosesan lanjut bahan-bahan utama kita. Kita telah juga menjalankan usaha-usaha bagi membaiki pasaran bahan-bahan utama umpamanya dengan menubuhkan Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE), mengukuhkan pasaran-pasaran bahan-bahan utama yang sedia ada dan mencari pasaran-pasaran baru menerusi misi perdagangan dan ekonomi yang telah dan akan dihantar dari masa ke semasa ke luar negeri. Kita yang akan meneruskan usaha-usaha bagi mencapai satu tahap perdagangan dunia yang lebih bebas dan persaingan serta meningkatkan pasaran bagi bahan-bahan utama kita bukan sahaja dalam bentuk mentah tetapi juga yang separuh diproses dan yang diproses. Akhir sekali, kita telah memperbaiki dan membetulkan usaha-usaha fizikal kita bagi meningkatkan lagi insentif dan pulangan kepada pengeluar-pengeluar. Dengan usaha-usaha ini, adalah diharapkan masalah-masalah yang timbul dari ketidak-stabilan harga bahan-bahan utama kita dapat dikurangkan.

**Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menyebut tentang stok penimbal ini semenjak beberapa tahun yang lepas. Saya ingin tahu bilakah stok penimbal ini betul-betul boleh dijalankan dan apakah paras harga yang dijamin oleh Kerajaan kepada pekebun kecil apabila stok penimbal ini dioperasikan kelak?

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengarahkan MARDEC untuk membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil untuk menstabilkan harga getah. Sebenarnya harga getah telah stabil di antara \$2.50 sekilogram. Walau bagaimanapun, kedudukan ekonomi dunia tidak sihat. Oleh sebab itu satu kedudukan yang telah diwujudkan yang mana ada perbezaan harga getah paper dan harga getah physical. Oleh sebab itu pekebun-pekebun kecil mesti membayar cukai eksport yang tinggi kepada Kerajaan. Oleh kerana itu MARDEC tidak membeli getah paper yang banyak. Kita suka mengadakan satu kedudukan yang mana Pengerusi Stok Penimbal Perjanjian Antarabangsa getah Asli membeli getah di pasaran di Kuala Lumpur dan pasaran-pasaran yang lain tetapi Pengerusi ini boleh membeli getah asli bila harga getah asli jatuh di bawah 198 sen sekilogram. Harga ini adalah purata RSS I, RSS III dan TSR 20.

Pada masa ini harga getah asli adalah di antara 180 dan 190 sen sekilogram dan Pengarah Eksekutif Organisasi Antarabangsa Bagi Getah Asli (INRO) telah meminta sumbangan kewangan dari Kerajaan-kerajaan supaya beliau boleh membeli getah asli di pasaran Kuala Lumpur dan pasaran-pasaran yang lain dan saya harap pada masa ini harga getah boleh distabilkan pada harga sekarang. Kalau harga akan jatuh, Pengerusi Organisasi Antarabangsa Bagi Getah Asli mesti membeli getah di pasaran Kuala Lumpur. Kedudukan ini boleh menyebabkan perbezaan di antara harga paper dan harga getah physical dibandingkan. Ini saya fikir boleh memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil getah asli.

**Tuan Peter Paul Dason:** Soalan tambahan. Adakah Menteri berkenaan sedar bahawa jika langkah-langkah yang diambil untuk

menaikkan atau menstabilkan harga-harga pengeluaran utama gagal atau tidak berjaya, pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat akan terjejas dengan teruk kerana Malaysia akan rugi berjuta-juta ringgit tiap-tiap tahun dalam pertukaran wang asing. Bolehkah Menteri berkenaan memberi tahu sejauh manakah Rancangan Malaysia Keempat akan terjejas kerana masalah ini?

**Dato Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita sedar kedudukan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Kita sentiasa cuba mengadakan harga bahan-bahan utama yang stabil dan baik tetapi pada tahun ini kemerosotan ekonomi di negara-negara perindustrian utama yang membawa kepada permintaan yang berkurangan untuk barang-barang utama di Malaysia. Saya harap pada tahun hadapan apabila ekonomi di negara-negara perindustrian utama telah pulih, saya harap harga bahan-bahan utama juga boleh mendapat harga yang berpatutan dan baik.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu ada cakap-cakap yang mengatakan bahawa salah satu daripada sebab harga getah turun atau merosot kerana negara China berhenti membeli getah daripada Malaysia, adakah perkara ini benar? satu perkara lagi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah satu soalan tambahan.

**Dato Paul Leong Khee Seong:** Negara China telah mengurangkan pembelian getah asli dari Malaysia. Sebenarnya negara China telah mengalami kedudukan ekonomi yang tidak sihat.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar di Semenanjung Malaysia, Wilayah Selatan khususnya di Johor, pekebun kecil terpaksa jual getah kepada pembeli atau dealers mengikut harga Singapura (\$ Singapore) dan wangnya dibayar dalam \$ Malaysia. Ini ada perbezaan 10%. Jika Menteri berkenaan sedar apakah tindakan sudah diambil mengatasi masalah ini, khasnya di Johor dan Melaka?

**Dato Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sukalah mengkaji kedudukan perkara tersebut.

**Tuan Haji Ikwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa salah satu sebab rendahnya harga barang-barang mentah kita ialah kerana adanya permainan (eksploitasi) yang dibuat oleh negara-negara pengguna. Kalau ada, bolehkah beliau terangkan kepada Dewan ini tentang tindakan Kementerian beliau yang positif untuk menghadapi permainan ini terutama menerusi tenaga new international economic order?

**Dato Paul Leong Khee Seong:** Saya fikir soalan tambahan itu tidak betul, eksploitasi itu bukan kenyataan yang betul. Saya fikir negara-negara pengguna mengalami kedudukan ekonomi yang tidak sihat dan tidak baik. Oleh sebab itu, mereka tidak meminta banyak getah asli daripada negara pengeluar getah asli.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa 40% keperluan dunia kepada getah dikeluarkan oleh Malaysia dari hari ini getah turun 58 sen sekati terlalu rendah. Saya bercakap bagi pihak orang kampung. Keadaan ini pada masa dahulupun berlaku, tetapi dengan usaha Menteri Perusahaan Utama pada masa itu—sekarang menjadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri—telah dapat mengstabilkan harga getah. Jadi, apakah usaha Kementerian ini sekarang ini supaya dapat mengstabilkan balik harga getah pada peringkat yang menasabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan kepada soalan tambahan itu telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jadi tak payah dijawab lagi.

#### AMANAH SAHAM NASIONAL— KEJAYAAN

**6. Tuan Haji Ampong bin Puyon** bertanya kepada Perdana Menteri sejauh manakah kejayaan Amanah Saham Nasional (ASN) sejak dilancarkan dan jumlah wang yang

telah dipungut dan bilangan ahli yang didaftarkan serta bagaimanakah pungutan bulanan dibuat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab pada 22hb Oktober, 1981 bila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

### PESAKIT JANTUNG BERLUBANG

**7. Tuan Omar bin Haji Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah pesakit-pesakit jantung berlubang di negara ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Kementerian sedang giat merancang untuk menjalankan pembedahan jantung berlubang di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada awal tahun 1982. Kementerian juga bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Cardio-Thoracic di Kuala Lumpur sebagai langkah jangka panjang untuk merawat kes-kes jantung berlubang serta kes-kes penyakit jantung yang lain. Sepasukan pegawai perubatan dan kakitangan para perubatan dari Kementerian sedang menjalani latihan intensif dalam bidang Cardio-Thoracic di Australia. Pasukan ini merupakan "nucleus" Unit Cardio-Thoracic ini yang akan memulakan kerja-kerja pembedahan jantung berlubang di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada tahun hadapan. Di samping itu 2 orang Doktor lagi sedang mengikuti kursus pembedahan jantung di luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini pembedahan jantung sedang dijalankan oleh Universiti Hospital di Kuala Lumpur.

### GERAI MAJUIKAN—PENUTUPAN

**8. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah gerai Majuikan di daerah-daerah telah ditutup disebabkan kurang mendapat kerjasama dari

pengusaha-pengusaha ikan tempatan. Jika sedar, adakah Kementerian akan membuka semula gerai-gerai tersebut, dan jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa sebahagian daripada gerai-gerai Majuikan yang dikendalikan oleh Majuikan di beberapa daerah telah ditutup. Projek ini telah dilancarkan oleh Majuikan pada bulan Februari, 1979. Dalam aktiviti tersebut Majuikan terlibat secara langsung dan kegiatan-kegiatan membeli ikan dari nelayan di pusat-pusat pendaratan dan penjualan di peringkat borong dan runcit. Kementerian saya tidak bercadang untuk membuka semula gerai yang berkenaan dan satu kajian yang menyeluruh sedang dibuat untuk memberi harga yang berpatutan kepada nelayan-nelayan pantai dan usaha ini yang akan menjadi tumpuan oleh Majuikan.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan bahawa Kementerian tidak akan menubuhkan lagi gerai-gerai Majuikan ini, tetapi tidak menerangkan apakah sebabnya Kementerian tidak lagi bercadang mengadakan gerai sedang gerai Majuikan itu sebenarnya akan memberikan faedah yang banyak kepada rakyat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada mempunyai beberapa sebab. Sebab yang pertama kita dapati ialah bahawa nelayan-nelayan kita masih lagi terikat dan bergantung dengan orang tengah. Dan kedua, pada hemat kita elok benar pada masa ini kita menumpukan perhatian kita kepada nelayan melalui persatuan nelayan dengan harapan pada suatu hari mereka akan terdorong mengikuti rancangan kita dan sebagaimana yang saya katakan tadi pada hari ini kita membuat kajian yang menyeluruh.

### CUTI BAGI GURU-GURU

**9. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa kebanyakan guru-guru terutama mereka dari luar

kawasan (outstation) telah mengamalkan meminta cuti pada hari Jumaat dan Isnin dan banyak juga guru-guru lain yang meminta untuk menggantikan di kelas-kelas di mana guru-guru yang bercuti. Guru-guru pengganti ini adalah kebanyakan dari sekolah-sekolah, menengah. Perkara ini telah banyak berlaku di dalam tahun-tahun 1979 dan 1980 dan perkara demikian berlaku di seluruh negara terutama sekali di Sekolah Tinggi Nan Hwa Kampung Koh, Sitiawan Dindings.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, guru-guru tidak mengamalkan meminta cuti pada hari Jumaat dan Isnin. Walau bagaimanapun, Sekolah Tinggi Nan Hwa Kampung Koh, Sitiawan, Perak ialah sebuah sekolah suwa. Kementerian Pelajaran tidak bertanggungjawab tentang percutian guru-guru sekolah suwa.

#### KENYATAAN MENTERI/TIMBALAN MENTERI YANG MERAGUKAN

**10. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada tindakan akan diambil terhadap Menteri dan Timbalan Menteri yang mengeluarkan ucapan dan kenyataan yang mungkin menimbulkan kebimbangan dan keraguan di kalangan sesuatu kaum; jika tidak, mengapa.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri yang dikatakan telah membuat ucapan atau kenyataan yang demikian.

#### ORANG TAHANAN DISIKSA OLEH POLIS

**11. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar ramai orang-orang yang ditahan oleh pihak polis disiksa semasa mereka ditahan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berlakunya siksaan-siksaan tersebut.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang terdapat kejadian di mana orang-orang tahanan disiksa oleh pihak Polis tetapi jumlah mereka yang terlibat adalah kecil sahaja. Sebagai contohnya, antara tahun 1970

sehingga bulan September 1981 terdapat sebanyak 8 kes di mana anggota-anggota Polis telah dituduh dan dihukum kerana kesalahan menggunakan kekerasan ke atas orang-orang yang disyaki dan 3 kes lagi masih menunggu keputusan perbicaraan.

Untuk menjamin supaya tahanan yang tertuduh bagi siasatan Polis tidak disiksa, pihak Ibupejabat Polis Di Raja Malaysia telah mengeluarkan arahan-arahan untuk dipatuhi kepada semua peringkat Pasukan Polis tentang pengendalian sasek semasa disoal-desak. Arahan-arahan tersebut menghendaki supaya Pegawai-pegawai Pemerintah mengadakan pemeriksaan mengejut dari masa ke semasa sama ada di waktu siang ataupun malam di Balai-balai Polis. Tujuannya bukan sahaja untuk menentukan bahawa penyiksaan tidak berlaku tetapi juga untuk memastikan bahawa bahan-bahan yang boleh dianggap sebagai alat-alat menyiksa tidak ada di Balai-balai tersebut dan sekiranya dijumpai dalam pemeriksaan maka ianya akan dianggap sebagai disimpan untuk tujuan yang tidak diinginkan dan tindakan yang setimpal akan diambil. Di samping itu semua anggota Polis dari peringkat bawah hingga atas telah diberi amaran bahawa mereka juga tidak terkecuali dari hukuman undang-undang dan akan dianggap sama seperti lain-lain penjenayah jika mereka salah mengendalikan sasek-sasek dalam masa menjalankan soal-desak.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata orang-orang tahanan yang disiksa jumlahnya cuma kecil sahaja. Tetapi semasa saya ditahan dalam Kem Tahanan Kemunting, saya diberitahu ramai orang-orang tahanan di sana boleh dikatakan 80% mereka yang ditahan di Kem Tahanan Kemunting, apabila mereka ditahan oleh Polis mereka kena siksa. Oleh kerana itu, soalan tambahan saya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercadang supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya siasatan yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan ahli-ahlinya termasuk ahli parti-parti Pembangkang supaya menyiasat pengaduan-pengaduan seperti itu.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya berikan ialah berasas kepada aduan dan laporan yang telah disampaikan kepada Polis dan disiasat sama ada sesuatu kawasan ataupun kem tahanan atau penjara itu ditohmah di dalamnya kejadian penyiksaan berlaku ini terpulanglah kepada mereka yang menderita melaporkan dan berasas kepada laporan ini akan diambil tindakan. Jadi, pada pendapat saya barangkali itu merupakan khabar-khabar, cakap-cakap mereka yang ditahan sahaja. Saya berharap Ahli Yang Berhormat kalau ada laporan yang tertentu sampaikan perkara ini kepada pihak yang berkenaan.

Berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Penyiasatan ataupun Suruhanjaya Di Raja jawabnya ialah Kerajaan tidak bercadang menubuhkannya.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang supaya diadakan satu undang-undang penyiksaan agar rahsia-rahsia terkeluar dari segi jenayah ataupun yang disuspect bagi mengurangkan penjenayah di negara kita ini.

**Dato' Musa Hitam:** Minta maaf, minta ulang sekali lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba ulang sekali lagi.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, khasnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bercadang supaya diadakan undang-undang penyiksaan agar rahsia-rahsia terkeluar dari penjenayah-penjenayah atau yang disuspect bagi mengurangkan penjenayah-penjenayah di negara kita ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sudahpun wujud.

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah menahan orang-orang yang kena tahan daripada tidur ataupun tidak diberi mereka tidur selama 6-7 hari atau 6-7 malam berterusan, termasuk takrif siksa atau tidak?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawabnya oleh kerana saya tidak mengetahui dari segi peraturan-peraturan di dalam sesuatu kem tahanan ataupun penjara, tetapi kalau dibuat semata-mata untuk menahan tidur tentulah ini dianggap sebagai siksa.

## PENYELIAN METER-READERS

**12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa memandangkan air menjadi satu kegunaan harian, sama ada beliau bercadang mengarahkan Jabatan Kerja Air mengadakan Bahagian Inspectorate untuk mengawasi tugas-tugas penyeliaan meter-readers supaya Kerajaan tidak mengalami kerugian seperti-mana yang berlaku sekarang, dan sama ada bayaran dua bulan sekali akan ditukarkan kepada sebulan sekali. Jika tidak, mengapa?

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, bekalan air dan juga kutipan dari bekalan air adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan bahawa tugas-tugas penyeliaan meter-readers adalah diawasi di tiap-tiap negeri dengan tujuan untuk mengelakkan kerugian dari kutipan bekalan air. Oleh itu untuk mengadakan satu lagi Bahagian Inspectorate seperti-mana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah didapati tidak perlu.

Berkenaan dengan cadangan supaya bayaran dua bulan sekali ditukarkan kepada sebulan sekali, suka saya memaklumkan bahawa peraturan ini sedang diikuti oleh semua negeri untuk pengguna-pengguna perdagangan dan perindustrian. Dalam hal pengguna domestik, setengah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengamalkan penganan bayaran tiap-tiap bulan. Sebab mengapa di setengah-setengah negeri mengenakan bayaran dua bulan sekali kepada pengguna-pengguna domestik ialah

tujuan menjimatkan perbelanjaan pembekalan air di negeri-negeri itu.

### MAS—MEMODENKAN PERKHIDMATAN

**13. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan dengan jelas apakah tindakan jangka-panjang dan jangka-pendek yang sedang diambil untuk membaiki lagi dan memodenkan perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia dengan tujuan untuk memperkuatkan dan memodenkan syarikat itu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang dipertua, memanglah menjadi dasar Kernenterian saya dan MAS untuk sentiasa mempertingkatkan dan memodenkan perkhidmatannya. Beberapa rancangan jangka-panjang dan jangka-pendek sentiasa dikaji dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat ini. Hasrat untuk mengadakan perkhidmatan yang cekap dan memuaskan telah mendorong MAS mengkaji jenis-jenis pesawat yang lebih sesuai dari segi ekonomi dan keselesaan penumpang-penumpang. Jenis-jenis pesawat ini telahpun saya nyatakan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu pada 21hb Oktober, 1981.

Mengenai perkhidmatan dalam negeri, MAS telahpun menggunakan pesawat Airbus untuk penerbangan ke Kota Kinabalu dan Pulau Pinang bagi menampung permintaan penumpang-penumpang yang semakin bertambah. MAS juga pernah menggunakan pesawat DC10 ke tempat-tempat itu dalam musim perayaan ataupun cuti sekolah (peak season). Mulai pada bulan November ini, MAS akan mengadakan perkhidmatan DC10 yang lebih tetap ke Kota Kinabalu, iaitu sebanyak 2 penerbangan seminggu. Selain dari itu, MAS juga akan meningkatkan taraf perkhidmatan ke Johor Bahru dan ke Kuching dengan penggunaan pesawat Airbus mulai pada bulan April, 1982.

Dari segi perkhidmatan luar negeri pula, MAS akan menggantikan pesawat DC10 yang digunakan sekarang dengan 2 buah pesawat B747 untuk perkhidmatan ke negara-negara Eropah dan Australia.

Mengikut rancangan, perkhidmatan ini akan dimulakan dalam bulan April, 1982. Untuk perkhidmatan yang lebih selesa, penumpang-penumpang yang akan menggunakan pesawat B747 boleh memilih 3 kelas penerbangan iaitu kelas satu, kelas perdagangan (business class) dan kelas ekonomi berbanding dengan kelas satu dan kelas ekonomi sahaja yang ada pada penerbangan DC10 sekarang.

Setelah perkhidmatan pesawat B747 dimulakan nanti, pesawat DC10 pula akan dipindahkan untuk perkhidmatan di Asia termasuklah ke Hong Kong, Taipei, Tokyo, Jeddah dan Madras. Untuk penerbangan ke Taipei, Hong Kong dan Tokyo MAS pada masa ini menggunakan pesawat Airbus.

Untuk masa akan datang MAS akan meningkatkan juga jenis pesawat dari B737 kepada pesawat Airbus untuk destinasi ke Tenggara Asia seperti ke Manila, Jakarta dan Medan. Pada masa sekarang pesawat Airbus hanya digunakan untuk penerbangan ke Bangkok dan Singapura.

Di bidang perkhidmatan penumpang-penumpang pula, MAS sedang membuat beberapa perubahan dari segi penempahan (seat reservation) di mana ke semua Pejabat Penempahan MAS dalam negeri akan dilengkapi dengan alat-alat komputer pada penghujung tahun 1982. Pada masa ini setengah-tengah Pejabat Penempahan MAS telah dilengkapi dengan alat-alat komputer. MAS juga bercadang untuk memberi kemudahan-kemudahan alat komputer tersebut kepada beberapa agen MAS bagi menambahkan lagi mutu perkhidmatan. Sementara itu MAS juga sedang merancang menggunakan alat komputer di kaunter penerima penumpang-penumpang (checking counter) di Lapangan Terbang Subang. Projek ini akan dimulakan pada tahun 1982 juga.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tidak lama dahulu, Kerajaan ada melantik Juru Perunding untuk mengkaji masalah tentang perkhidmatan MAS.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang berlaku tentang laporan yang telah disediakan oleh

Juru Perunding dari luar negeri yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji masalah ini.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab dahulu laporan kajian yang berkenaan sedang disiasat oleh pihak MAS dan juga Kementerian saya.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan bahawa Airbus dan Boeing 737 telah mula berjalan di dalam perjalanan dalam negeri. Pertanyaan saya, bilakah hendak dihapuskan kapalterbang Fokker 27 yang sudah tidak sesuai lagi tetapi masih berjalan sekarang.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada rancangan untuk menghapuskan pesawat Fokker 27 sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi kalau sekiranya ada di antara kapalterbang-kapalterbang yang berkenaan tidak sesuai lagi, kita akan ganti dengan pesawat-pesawat yang baru.

#### ISSU SENSITIF YANG DIEKPLOITASI

**14. Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil untuk mencegah perkembangan fikiran dan fahaman ekstremisma dan rasialisma di sisi kehidupan negara kita, khasnya isu-isu sensitif yang selalu dieksploitasikan oleh segelintir politikus demi kesempatan kepentingan politiknya, terutamanya dalam tempoh pilihanraya kecil atau umum.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar adanya segelintir ahli-ahli politik ataupun politikus yang sentiasa mengeksploitasi sebarang isu yang sensitif, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, demi kepentingan diri atau golonganannya.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita ini, kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh Perlembagaan negara. Namun begitu, kebebasan yang diberikan itu ada

mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Pilihanraya dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau perbuatannya menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka tindakan sewajarnya disisi undang-undang akan diambil.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini selama ini ada beberapa ahli politik telah dihukum dan dihadapkan ke mahkamah kerana telah melanggar undang-undang sepertimana yang disebutkan dan juga adakah Yang Amat Berhormat sedar satu trend telah berlaku dan sedang meningkat mengenai isu-isu perkauman yang sensitif dan bercorak hasutan ini telah kian diperheboh-hebohkan.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan segala ini sedang diawasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 15.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan ini sekarang ialah atas nama Yang Berhormat dari Sandakan.

#### NEGARA YANG BERCORAK ISLAM

**15. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak yang berkenaan atas laporan polis yang dibuat oleh Encik K. Ramasen pada 29hb Ogos, 1981 mengenai kenyataan yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Wan Mansor bin Abdullah pada 17hb Ogos, 1981 di Kuala Lumpur yang berbunyi

bahawa tujuan muktamad Malaysia ialah untuk menjadikan Negara ini sebagai satu Negara yang bersungguh bercorak Islam.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu Kertas Penyasatan telah dibuka mengenai Laporan Polis yang dibuat oleh Encik K. Ramasen pada 29-8-81 dan perkara ini telah dikemukakan kepada Peguam Negara untuk mendapatkan keputusan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 20 adalah diberi di bawah ini)*

#### JET TEBUAN—KEMALANGAN

**16. Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab-sebab mengapa Jet Tebuan kerap kali terjatuh semasa menjalani latihan di TUDM Kuantan akhir-akhir ini. Adakah Kementerian ini bercadang hendak menukarkan kepada kapal terbang pelatih jenis yang lain sebagai ganti kepada Jet Tebuan itu.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa):** Soalan yang sama seperti ini telahpun berulang kali dijawab di masa persidangan yang lepas. Sebagaimana jawapan yang pernah diberikan dulu, hasil dari siasatan yang telah dijalankan oleh Pihak Lembaga Penyasat menunjukkan bahawa kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah berpunca dari kesilapan manusia atau human error, yakni, dari penerbang-penerbang itu sendiri. Kesilapan atau error of judgement itu boleh berlaku dalam apa juga keadaan; mungkin berhubung dengan cuaca buruk, kerosakan teknik atau/dan daripada tindakan (tembakan) musuh ke atas pesawat tersebut.

Kerajaan memang ada rancangan untuk menggantikan pesawat-pesawat yang telah lama digunakan seperti pesawat Tebuan dengan pesawat yang lebih moden, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk melengkapkan TUDM dengan kelengkapan yang lebih berkemampuan dan sophisticated. Urusan-

urusan penggantian ini sedang dijalankan sekarang.

#### PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN

**17. Tuan V. David** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan menimbangakan meneruskan menyalahgunakan pemberian penghormatan kepada ahli-ahli parti politik adakah beliau sedar bahawa ramai di antara mereka yang kesetiiaannya diragukan telah diberi penghormatan berdasarkan kepada pertimbangan politik dan orang-orang ini tidak mempunyai tempat di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuduhan Ahli Yang Berhormat ini tidaklah benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap pencalonan untuk pengurniaan darjah dan bintang kebesaran adalah diteliti terlebih dahulu oleh persatuan atau pertubuhan yang mengemukakan pencalonan tersebut sebelum dikemukakan kepada sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab menimbangakan pencalonan-pencalonan tersebut. Perakuan-perakuan jawatankuasa itu dipertimbangkan pula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum dipersembahkan untuk diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hanya mereka yang telah membuat sumbangan perkhidmatan yang cemerlang kepada Kerajaan dan negara diperakukan pengurniaan darjah dan bintang kebesaran. Dengan ini soal ketidaksetiaan mereka kepada negara tidaklah timbul sama sekali.

#### PEGAWAI DI SABAH BERTUGAS PADA MASANYA

**18. Datuk Stephen R. Evans** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dasar pentadbiran yang baru yang mengarahkan ke semua pegawai-pegawai Kerajaan untuk melaporkan bertugas tepat pada masanya akan diperluaskan ke Sabah oleh kerana kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan di sana biasanya mula bertugas pada pukul 9.00 pagi, pulang ke rumah pada pukul 12.00 tengah hari dan memulakan kerja semula pada pukul 2.30 petang dan kemudian

meninggalkan pejabat di antara pukul 3.30 dan 4.00 petang tepat. Mereka juga menghabiskan masa berjam-jam di kantin pejabat sewaktu berhenti rehat minum teh atau kopi.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang sudah termaktub di dalam Perintah Am Bab G yang diubahsuaikan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/1977 bahawa waktu pejabat adalah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Di negeri-negeri di mana hari Jumaat adalah cuti mingguan, waktu bekerja pejabat adalah;  
 Hari Bekerja Penuh—8.00 pagi hingga 4.00 petang.  
 Hari Bekerja Separuh—8.00 pagi hingga 12.45 tengahari.  
 Waktu Makan—12.45 tengahari hingga 2.00 petang pada hari-hari bekerja penuh.
- (b) Di negeri-negeri di mana hari Jumaat bukan cuti mingguan, waktu bekerja pejabat adalah;  
 Hari Bekerja Penuh—8.00 pagi hingga 4.15 petang.  
 Hari Bekerja Separuh—8.00 pagi hingga 12.45 tengahari.  
 Waktu Makan (kecuali hari Jumaat)—12.45 tengahari hingga 2.00 petang pada hari-hari bekerja penuh.  
 Waktu Makan pada hari Jumaat—12.00 tengahari hingga 2.30 petang.

Bagi menguatkuasakan waktu bekerja itulah maka Kerajaan telah memperkenalkan "Sistem Penggunaan Alat Perakam Waktu" di agensi-agensi Kerajaan. Sistem penggunaan alat perakam waktu ini masih dalam peringkat percubaan dengan tujuan untuk mengkaji semua masalah yang timbul sebelum ianya digunakan secara meluas.

Apabila ia sudah digunakan secara meluas memanglah tidak ada sebab kenapa ia juga tidak boleh digunakan di Sabah untuk mencegah perbuatan datang lewat ke pejabat dan pulang sebelum waktu yang sewajarnya.

## RUMAH MURAH KEPADA GOLONGAN PENDAPATAN RENDAH

19. Tuan V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau membuat perbekalan secukupnya di dalam belanjawan atau ada rancangan untuk menyediakan rumah-rumah murah kepada mereka yang pendapatannya terhad dan tidak membolehkan mereka mendapatkan rumah dengan harga yang terlalu mahal dari pemaju perumahan persendirian.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$201 juta bagi membolehkan Dewan Bandaraya merancang dan membina 30,000 unit rumah murah yang khas peruntukannya untuk penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan. Peruntukan ini akan ditambah berdasarkan kepada keupayaan dan pencapaian Dewan Bandaraya dalam melaksanakan pembinaan rumah-rumah murah tersebut.

## DIESEL—KEKURANGAN BEKALAN

20. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian beliau sedar bahawa masalah kekurangan minyak diesel masih berlaku di Sabah dan akibat daripada kekurangan ini ada pula terdapat beberapa pengedar-pengedar diesel yang menjual dengan harga yang melebihi dari apa yang ditetapkan oleh Kerajaan. Jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Walaupun kedudukan bekalan minyak diesel di negara pada masa ini adalah setabil, tetapi Kementerian saya tidak menafikan bahawa masih terdapat berlakunya terputus bekalan di setengah-setengah tempat dari masa ke semasa. Keadaan terputus bekalan ini memang sering kali berlaku terutama di kawasan-kawasan di mana cara perhubungan masih lagi tidak memuaskan. Dalam hubungan ini, kejadian kekurangan bekalan

yang berpunca daripada terputusnya bekalan bukanlah bermakna negara masih mengalami kekurangan bekalan minyak diesel tetapi terjadinya lebih berpunca dari masalah logistik. Sebagai perbandingan, bekalan minyak diesel untuk kegunaan runcit ke Sabah dari bulan Januari hingga Ogos, 1981 ialah sebanyak 30,484,016 liter sementara bagi Tahun 1980 pula bagi jangka masa yang sama ialah sebanyak 25,026,166 liter dan ini merupakan pertambahan bekalan sebanyak 21.81%. Data bekalan diesel bagi kawasan Lahat Datu, Kunak dan Semporna pula adalah seperti berikut:

<i>Kawasan</i>	<i>Tahun 1980 (Januari-Ogos)</i>	<i>Tahun 1981 (Januari-Ogos)</i>
Lahad Datu .. ..	941,968 liter	1,133,222 liter
Kunak .. ..	392,468 liter	527,319 liter
Semporna .. ..	952,520 liter	1,031,822 liter

Daripada maklumat yang dikemukakan dapat diperhatikan bahawa bekalan minyak diesel telah bertambah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna mendapat bekalan yang cukup dengan mempertingkatkan lagi pengawasan dan pemeriksaan di pasaran supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan seperti penyorokan, enggan menjual dan lain-lain amalan perdagangan yang tidak sihat.

Mengenai dengan dakwaan Ahli Yang Berhormat terdapat pengedar-pengedar yang menjual minyak diesel dengan harga yang lebih daripada harga yang ditetapkan ingin saya jelaskan bahawa harga jualan bahan-bahan petrolium termasuk minyak diesel adalah ditingkatkan mengikut kawasan dan ini dilakukan setelah membuat perkiraan ke atas kos pengangkutan dan lain-lain fakta yang terlibat dengannya. Walau bagaimanapun, jika terdapat mana-mana pihak yang mengambil kesempatan dengan mengenakan harga jualan yang lebih daripada yang ditetapkan oleh Kerajaan, perkara ini beserta dengan butir-butir terperinci bolehlah dilaporkan ke pejabat Cawangan Kementerian yang berhampiran untuk diambil tindakan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (23hb Oktober, 1981).

## DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,375 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruang tujuh dan lapan senarai tersebut. (23hb Oktober, 1981)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah "Bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu." dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah "Bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa seluruh Majlis sekarang"; kedua-dua masalah tersebut sekarang terbuka untuk perbahasan.

Sebelum saya jemput Yang Berhormat dari Petaling, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 66(3) bila membahaskan ini kelak iaitu perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan; dalam bahasa Inggeris: General principle of Government policies and administration. Berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua anggaran biasa dan pembangunan, saya sudah memperuntukkan 11 hari termasuk hari ini dan termasuk 2 hari bagi Yang Berhormat Menteri-menteri memberikan jawapan-jawapannya di akhir tempoh perbincangan ini.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Petaling.

3.38 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Petaling):** Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1982 justeru adalah suatu Belanjawan pilihanraya yang digulakan untuk memikat undi dalam pilihanraya umum yang dijangka akan diadakan pada awal tahun depan. Sesiapa juga yang mempunyai keraguan sama ada pilihanraya umum akan diadakan tahun depan sudah pasti tidak akan ragu lagi dengan adanya Belanjawan seumpama ini terutama sekali dengan cara ketakutan rakyat ditimbul dan dimanipulasikan dengan gambaran Belanjawan tahun ini dianggarkan menjadi satu Belanjawan yang sangat teruk, namun di sebaliknya diikuti dengan satu Belanjawan yang ringan dan lagi melegakan.

Dengan keadaan 'euphoria' yang diwujudkan di seluruh negara selepas belanjawan diumumkan, seseorang bolehlah dimaafkan sekiranya beliau memikirkan ekonomi Malaysia berada di tahap yang tinggi dan bukannya sedang melalui satu zaman yang paling teruk sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970.

Parti saya mengalu-alukan pengkajian semula dan pengurangan duti import, cukai tokok, cukai jualan ke atas barang-barang pengguna untuk menambahkan bekalan tempatan serta juga untuk menahan kenaikan harga barang-barang ini yang tertakluk kepada kaveat bahawa pengurangan-pengurangan cukai ini meresap ke bawah

hingga sampai kepada pengguna-pengguna dan tidak pula disekat dan dialihkan oleh pembuat-pembuat, agen-agen atau pemborong-pemborong di separuh jalan.

Pengkajian semula dan pengurangan duti import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas barang-barang pengguna berjumlah dalam bertikata pengurangan cukai, sebanyak lebih kurang \$167 juta yang mengandungi:

Pengkajian semula duti import ke atas barang-barang keperluan pengguna	\$53	juta
Penghapusan duti import ke atas kamera, jam tangan, pena pemetik api	4.2	"
Pengkajian semula cukai tokok ke atas barang-barang keperluan pengguna	68	"
Penghapusan cukai tokok ke atas kamera, jam tangan pena dan pemetik api	2	"
Pengecualian duti eksais ke atas barang-barang pengguna	30	"
Pengkajian semula cukai jualan ke atas barang-barang keperluan pengguna	7	"
Penghapusan cukai jualan ke atas kamera, jam tangan, pena dan pemetik api	2.8	"
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>\$167</b>	<b>juta</b>

Belanjawan 1982 bolehlah disifatkan sebagai satu Belanjawan pilihanraya yang digulakan yang memberikan kurang cukai sebanyak \$167 juta ke atas barang-barang pengguna untuk mendapatkan balik satu cek kosong untuk membelanja \$31.95 billion untuk perbelanjaan pembangunan dan mengurus, dengan tidak ada sesiapa yang akan bertanya dengan rapi bagaimanakah wang tersebut akan diperolehi atau bagaimanakah wang tersebut akan dibelanjakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan nampaknya telah cuba blockover keadaan ekonomi yang sulit yang dihadapi oleh negara kita terutama sekali kerana:

1. Malaysia kini mempunyai akaun defisit 'merchandise' yang dianggarkan sebanyak \$127 juta dalam tahun 1981, dan dianggarkan akan meningkat

kepada \$820 juta dalam tahun 1982. Akaun Imbangan Pembayaran juga menunjukkan defisit sebanyak \$542 juta dalam tahun 1980, anggaran defisit sebanyak \$5,578 juta dalam tahun 1981 dan anggaran defisit sebanyak \$6,476 juta dalam tahun 1982.

2. Bahawa imbangan keseluruhan Imbangan Pembayaran Malaysia dijangka menunjukkan defisit sebanyak \$780 juta berbanding dengan kelebihan \$1,002 juta dalam tahun 1980. Ini mengakibatkan kekurangan resab bersih antarabangsa (net international reserve) Malaysia dari \$10.3 billion kepada \$10.1 billion pada hujung tahun 1981 yang cukup untuk membiayai purata 8 bulan import tertangguh. Dalam tahun 1982, imbangan pembayaran Malaysia dijangka merosot lagi sebanyak \$350 juta, dan jumlah resab bersih antarabangsa akan merosot dengan jumlah yang sama hingga kira-kira \$9.8 billion atau bersamaan 4 bulan import tertangguh pada paras semasa.
3. Bahawa di dalam Imbangan Pembayaran, terdapat jumlah besar modal kewangan swasta jangka pendek yang mengalir keluar dalam 1981 dan 1982, masing-masing pada kadar \$1,846 juta dan \$1,174 juta, sejumlah \$3,020 juta, apabila di bawah Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985, (Rajah 11-6), sejumlah \$6,000 juta dianggarkan bagi modal kewangan swasta jangka-pendek dan kesilapan dan ketinggalan bagi lima tahun dari 1981-1985. Jelaslah, ini memerlukan satu penjelasan dari Kerajaan mengapa terdapat pengaliran keluar modal kewangan swasta jangka-pendek yang pada peringkat pembangunan ekonomi negara ini, adalah sangat memudaratkan; sama ada keadaan ini yang menggambarkan kekurangan keyakinan di dalam pelaburan masa depan negara ini dan sebagainya.
4. Bahawa untuk memenuhi deficit Belanjawan Malaysia, kita kini mulai meminjam dari sumber-sumber dalam dan luar negeri secara besar-besaran yang tidak pernah berlaku dalam sejarah

Malaysia. Umpamanya, dalam tahun 1981 Malaysia akan meminjam \$2,891 juta dari luar negeri dan \$3,300 juta dari sumber-sumber tempatan yang berjumlah pinjaman bersih sebanyak \$6,191 juta, suatu pinjaman terbesar di dalam satu tahun sehingga ini. Apabila kita mengambil kira Belanjawan tahun 1982, dengan hasil yang dijangka sebanyak \$17,497 juta (selepas mengambil kira cadangan hasil 1982) dan Belanjawan sebanyak \$17,319 juta (dengan meninggalkan baki kecil akaun semasa sebanyak \$178 juta) hampir keseluruhan Belanjawan Pembangunan sebanyak \$14.6 billion adalah datang dari pinjaman dari dalam dan luar negeri. Ini bererti kadar pinjaman dalam dan luar negeri akan melebihi tahun 1981. Rancangan Malaysia Keempat menganggarkan bahawa ia terpaksa meminjam dari sumber-sumber luar negeri, kedua-dua pinjaman pasaran dan projek (project loans and market loans) berjumlah \$4,000 juta untuk tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Pada kadar pihak Perbendaharaan meminjam dari luar negeri untuk 1981 dan 1982, besar kemungkinan matlamat Rancangan Malaysia Keempat, untuk mendapat pinjaman luar negeri sebanyak \$4,000 juta namun di dalam 1982 sahaja jumlah yang diperlukan tahun 1982 sahaja jumlah yang diperlukan mungkin melebihi dari target tersebut, mungkin sebanyak 50% lagi.

5. Menurut Rancangan Malaysia Keempat (Perenggan 599) dengan jumlah pinjaman luar negeri yang dijangka, iaitu \$4,000 juta dalam tempoh 5 tahun, nisbah purata mengservicekan hutang luar negeri adalah 2.4% yang sudahpun terlebih dalam tahun 1981, di mana nisbah mengservicekan hutang luar negeri sebanyak 2.6%. Jangkaan Rancangan Malaysia Keempat untuk mengservicekan hutang luar negeri pada nisbah 2.4% mungkin akan melipatgandakan pada kadar pinjaman luar negeri yang dibuat sekarang.

Mujurnya, Tuan Yang di-Pertua, penemuan dan pengeluaran minyak Malaysia

telah dapat membantu Malaysia menghadapi kesulitan ekonominya.

Hasil dari pengeluaran petroliaam telah meningkat dari \$3,458 juta atau 22.67% dari jumlah hasil 1981 telah meningkat kepada jangkakan \$4,073 juta atau 23.23% dari jumlah hasil 1982 yang mengandungi:

	1981	1982
Cukai Pendapatan- Petroliaam .. .. .	\$1,854 juta	\$2,387 juta
Royalti Petroliaam .. .. .	398 ..	418 ..
Duti Eksport .. .. .	1,216 ..	1,268 ..
<b>JUMLAH . . . . .</b>	<b>\$3,458 juta</b>	<b>\$4,073 juta</b>

Dari tahun 1975-1981 jumlah hasil yang Malaysia perolehi dari pengeluaran petroliaam berjumlah \$8,842 juta yang akan melebihi angka \$10 billion untuk menjadi \$13 billion termasuk hasil petroliaam tahun depan.

Namun demikian, soal yang menjadi pertanyaan oleh rakyat yang berfikiran ialah sama ada kita cermat dengan sumber-sumber petroliaam kita demi kepentingan negara dan generasi-generasi akan datang kerana sumber-sumber petroliaam kita akan habis pada hujung tahun 1990, sekiranya penemuan baru tidak didapati.

Meskipun Kerajaan telah mengumumkan satu dasar kebangsaan mengenai kesusutan minyak (national policy on oil depletion) yang telah menetapkan kadar pengeluaran purata sebanyak 260,000 tong setiap hari untuk tahun 1981, tidak boleh diragukan kadar pengeluaran untuk tahun 1981 mungkin akan melebihi 275,000 tong sehari jika tidak terdapat kelebihan minyak dunia yang menekan turun harga petroliaam. Dalam bahagian pertama 1981 meskipun terdapat dasar kebangsaan mengenai kesusutan minyak, namun Kerajaan telah mengarah Petronas menambahkan pengeluarannya kepada 270,000 tong sehari bagi mengatasi kehilangan hasil akibat harga rendah barangan utama negara.

Bagaimanapun, harga minyak terus merosot dan Kerajaan mengarah Petronas mengurangkan pengeluarannya kepada kadar anggaran di antara 220,000 dan 230,000 tong sehari dalam bahagian kedua 1981 selepas

Petronas menghadapi kesulitan untuk menjual pengeluarannya yang meningkat sewaktu terdapat kelebihan minyak di pasaran antarabangsa.

Ini menunjukkan bukanlah Dasar Kebangsaan mengenai kesusutan minyak yang memutuskan kadar pengeluaran sumber-sumber petroliaam Malaysia tetapi adalah keperluan Kerajaan yang memerintah untuk mendapatkan hasil yang lebih.

Jagaan sumber-sumber petroliaam oleh Petronas dan Kerajaan sekarang yang terpisah dari pemeriksaan dan akauntabiliti awam adalah tidak memuaskan sama sekali khususnya kerana petroliaam telah menjadi sumber-sumber utama hasil Malaysia, dengan membawa hasil eksport sebanyak \$1,268 juta dalam tahun 1982 berbanding dengan hasil eksport getah sebanyak \$804 juta dan minyak kelapa sawit sebanyak \$208 juta, dan bijih timah 329 juta.

Sejak penubuhannya dalam 1974, Petronas telah memperolehi keuntungan selepas cukai berjumlah \$4.55 billion, yang mengandungi:

1976 .. .. .	\$ 250.7 juta
1977 .. .. .	662.6 juta
1978 .. .. .	674.7 juta
1979 .. .. .	761.4 juta
1980 .. .. .	2,203.3 juta
	<hr/>
	\$4,203.3 juta

Memandangkan peranan Petroliaam yang begitu kritikal di dalam ekonomi Malaysia, khususnya di dalam tahun lapan puluhan, Parlimen adalah diperlukan untuk mengawal dengan lebih bermakna dan bertanggungjawab terhadap Petronas.

Kedudukan sekarang di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab kepada Parlimen di atas urusan Petronas, dan di mana beliau hanya menawarkan maklumat yang minima walaupun ditanya, tidak akan membantu terhadap kenyataan Kerajaan yang mahukan sebuah Kerajaan yang 'Bersih, cekap dan licin' yang menyokong akauntabiliti awam.

Oleh yang demikian, saya mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya

mengkaji semula keadaan sekarang, di mana pengertian Parlimen yang mengawal dan bertanggungjawab terhadap Petronas adalah tidak memuaskan sehinggakan tidak wujud sama sekali, dan untuk mengambil tindakan untuk membuat pengawasan Parlimen yang lebih bermakna terhadap Petronas. Untuk permulaannya, Petronas, walaupun sebuah syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat, patutnya dikehendaki untuk membentangkan laporan tahunan kegiatannya kepada Parlimen yang boleh dijadikan sebagai asas perbahasan Parlimen jika keadaan menghendakinya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, di dalam Ucapan Belanjawannya, menyatakan Kerajaan akan memperbaiki projek pengurusan dan akauntabiliti, dan keseluruhannya perlaksanaan kapasiti rancangan pembangunan Kerajaan.

Pada suatu ketika, idea 'akauntabiliti awam' kakitangan dan organisasi awam dianggap sebagai perkataan yang kotor. Saya sungguh gembira bahawa konsep ini telah dapat diterima tetapi ujian terhadap penerimaan masih perlu dilihat di dalam tindakan dari hanya dengar cakap semata-mata. Inilah saya harap permulaan yang betul untuk memastikan 'akauntabiliti awam' sepertimana institusi penting seperti Petronas boleh dibuat tidak lain dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, untuk dijadikan contoh kepada pegawai-pegawai bawahannya.

Malaysia masih jauh ketinggalan di belakang untuk menjadikan pegawai-pegawai awam dan institusi-institusinya bertanggungjawab kepada rakyat dan negara. Laporan-laporan Ketua Odit Negara mengenai Kira-kira Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah bukti yang cukup tentang sebahagian besar pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin kanan Kerajaan yang sangat terasing dari konsep akauntabiliti.

Sebenarnya, salah satu sebab mengapa Kerajaan-kerajaan Negeri dan kadangkala Kerajaan Persekutuan lewat mengemukakan kira-kira mereka kepada Ketua Odit Negara untuk pemeriksaan, pengoditan dan laporannya timbul dari kekurangan kefahaman pegawai-pegawai kanan Kerajaan

yang berkenaan akan tanggungjawab mereka terhadap konsep akauntabiliti.

Tergendalanya konsep dan sistem akauntabiliti telah mengakibatkan institusi-institusi awam—contoh yang paling tepat ialah perbadanan-perbadanan awam dan anak-anak syarikatnya—yang bertindak liar dengan mengakibatkan kerugian besar kepada Kerajaan.

Walaupun Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan anak-anak syarikat mereka adalah dari segi teknik bertanggungjawab secara langsung kepada Kerajaan Negeri sungguhpun mereka pada akhirnya diongkosi oleh Kerajaan Persekutuan melalui pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan—sistem untuk menjadikan mereka bertanggungjawab atas tindakan mereka oleh Dewan-dewan Undangan Negeri masing-masing telah gagal seluruhnya.

Pertama, kebanyakan Perbadanan-perbadanan Kemajuan ekonomi Negeri tidak mengemukakan laporan tahunan mereka kepada Dewan Undangan Negeri masing-masing seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Menurut Ketua Odit Negara, dalam laporannya atas kira-kira Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 1978, PKEN Negeri Johor tidak pernah membentangkan laporan tahunannya di Dewan Undangan Negeri Johor. Di Negeri Melaka pula, akibat tekanan yang berulang kali dari DAP, PKEN Melaka telah mengemukakan satu laporan sekali gus, laporan-laporannya dari 1972-1975 di dalam 1978, dan selepas itu, PKEN Melaka telah kaku, dan kini ketinggalan di dalam laporan tahunannya sejak 1976.

Kedua, sistem menghendaki Kerajaan Negeri bertanggungjawab atau 'to account' melalui laporan Ketua Odit Negara dan pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri hampir telah menjadi satu amalan bagi tujuan sejarah sahaja, misalnya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Melaka sekarang hanya sedang memeriksa Laporan Ketua Odit atas kira-kira tahun 1972 yang jelas membazirkan masa dan kecuali Kerajaan-kerajaan Negeri/Persekutuan dan

Perbadanan-perbadanan awam boleh dipertanggungjawabkan terhadap amalan curang, irregularities dan improprieties atas perkara semasa di mana terdapat peluang untuk menghendaki pegawai-pegawai berkenaan untuk menjawab secara langsung atas kesilapan mereka tentulah seluruh sistem akauntabiliti hanya merupakan kajian sejarah yang melibatkan orang-orang yang sudah tiada lagi di dalam penglibatan baikpun kerana mereka telah ditukar, meletak jawatan ataupun telah bersara.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen hendaklah memberi contoh tauladan yang baik untuk diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Pada masa sekarang laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atas Laporan Ketua Odit Negara bagi Kira-kira Kerajaan Persekutuan 1975/76 masih belum lagi dibentangkan di dalam Parlimen, walaupun saya difahamkan ianya sudah siap. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara baru-baru ini telah menyiapkan pemeriksaannya ke atas Laporan Ketua Odit Negara mengenai kira-kira Kerajaan Persekutuan untuk tahun 1977 tapi jika Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai kira-kira 1977 terpaksa menunggu gilirannya sehingga laporannya untuk tahun 1975 dan 1976 siap dicetak dan dibentangkan di Parlimen, mungkin ia terpaksa menunggu untuk satu atau dua tahun lagi.

Sekiranya Kerajaan betul jujur di dalam keinginannya untuk membaiki jentera Kerajaan dan mendedahkannya kepada konsep akauntabiliti awam maka saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan supaya pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara untuk tahun 1975, 1976 dan 1977 diberi keutamaan dan kesemua ketiga-tiga laporan tersebut hendaklah dibentangkan di dalam mesyuarat Parlimen ini juga. Masa juga hendaklah diberi oleh Kerajaan untuk mengadakan satu perbahasan Parlimen yang menyeluruh ke atas laporan-laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara memberi pengertian yang penuh dan mendalam mengenai akauntabiliti awam oleh Jabatan-jabatan Kerajaan kepada Parlimen.

Jika tidak, Jabatan-jabatan Kerajaan akan bersikap acuh tak acuh terhadap segala pertanyaan Ketua Odit Negara dan pemeriksaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Satu contoh yang ketara ialah berkaitan dengan Laporan Ketua Odit Negara atas kira-kira Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1977 berhubung dengan Skandal Mee Segera di mana harga Kontrak Mee Segera di Sabah dan Sarawak untuk angkatan tentera dalam 1977 dan 1978 ditetapkan sekadar \$4.90 dan \$3.90 satu bungkus masing-masing sedangkan harga purata kontrak adalah lebih kurang 14 sen sebungkus di Semenanjung Malaysia dan melibatkan kerugian wang awam sebanyak \$962,000.

Apa yang memeranjatkan adalah hanya selepas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara memeriksa butir tersebut barulah Kementerian Pertahanan mengumumkan yang ia akan menubuhkan sebuah lembaga siasatan mengenai Skandal Mee Segera tersebut. Jelaslah, sebelum itu meskipun terdapat pertanyaan-pertanyaan dari Ketua Odit Negara mengenai perkara tersebut dari 1978 ke atas, Kementerian Pertahanan telah tidak mengindahkannya atau menganggap perkara tersebut sebagai tidak relevant.

Apa yang memeranjatkan lagi sungguhpun perkara ini telah dilaporkan kepada BSN seawal-awal tahun 1978 tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak BSN atas perkara ini. Ini bukanlah petanda yang baik bagi sebuah agensi pencegah-rasuah yang cekap, berani dan berkesan sepertimana yang dijanjikan oleh pentadbiran baru Mahathir-Musa.

Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjadi Perdana Menteri selama 100 hari, saya tidak fikir konsep akauntabiliti awam telah meresap ke bawah dengan secukupnya dan menembusi fikiran dan pendekatan semua jabatan dan kakitangan Kerajaan.

Apa yang terjadi dekat Kastam Johor Bahru minggu lepas, mengakibatkan lebih sebatu kesesakan lalulintas pada hari menjelang hari Deepavali adalah satu ilustrasi yang tepat.

Ini adalah akibat BSN terhadap dua orang pegawai Kastam yang didapati mempunyai wang tunai beberapa ratus ringgit ditubuh badan mereka, yang bertentangan dengan peraturan perkhidmatan, dan kerana pihak BSN telah memeriksa sebuah bas pelancung, Kastam Johor Bahru telah bertindak balas dengan seakan-akan melancarkan 'go slow' atas alasan melakukan satu pemeriksaan yang menyeluruh ke atas setiap penumpang atau kereta yang memasuki Kompleks Kastam Johor Bahru. Menurut akhbar *The New Straits Times* apple-apple pun dikira dan tin-tin lychee pun dikenakan cukai.

Adalah jelas kepada semua, ini adalah tindak balas Kastam terhadap tindakan BSN yang menangkap pegawai-pegawai Kastam yang rasuah meskipun pegawai-pegawai Kastam telah cuba menyamakan sebagai satu perbuatan keinsafan khas oleh kakitangan-kakitangan Kastam.

Dengan menjadikan orang awam sebagai tebusan (hold the public to ransom), pihak Kastam di Johor Bahru telah menunjukkan tidak memperdulikan langsung mengenai 'akuntabiliti awam' tindakan mereka, tetapi sekadar untuk menjalankan suatu peperangan Jabatan dengan pihak BSN.

Apa yang menghairankan ialah Kastam Johor Bahru dibenarkan terlepas dari demonstrasi kuasa mereka yang memalukan yang menyulitkan orang ramai sekiranya mereka tidak dibenarkan franchise untuk mengutip wang dari orang ramai.

Pegawai-pegawai Kastam yang bertanggungjawab, sama ada secara langsung ataupun tidak dalam membenarkan Kastam di Johor Bahru melakukan 'foul-up' minggu lepas hendaklah ditatatertibkan secara terbuka, kerana mereka telah meletakkan kepentingan individu-individu di Jabatan mereka atas kepentingan orang ramai.

Inilah sebabnya kenapa clock-in dan clock-out kakitangan Kerajaan tidak akan mewujudkan perkhidmatan Kerajaan yang lebih bersih, cekap dan licin tanpa diorientasikan semula sikap, mentality, falsafah kakitangan Kerajaan. Sekiranya ini tidak dilakukan, kakitangan Kerajaan yang terpaksa berada di pejabat masing-masing

tepat dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 4.30 petang akan melepaskan geram mereka kepada orang ramai sepertimana yang telah berlaku dengan ketara di Kastam Johor Bahru minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam satu temuduga sempena seratus Hari memegang jawatan yang Kerajaannya akan melancarkan satu kempen serius terhadap rasuah dan juga cadangan beliau untuk mengubah BSN menjadi Badan Pencegah Rasuah (Anti-Corruption Agency).

Ikhrar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membasmi rasuah masih perlu dibuktikan dengan tindakan, dan hanya masa sahaja yang akan menunjukkan sama ada Perdana Menteri Keempat Malaysia adalah berbeza dari ketiga-tiga yang lepas, sejauh mana perang terhadap rasuah terlibat.

Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan bahawa borang yang diedarkan kepada Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Ahli-ahli EXCO dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan untuk mengisytiharkan harta benda mereka kepada Perdana Menteri, terdapat kelemahan atau loop-holes untuk mengelakkan diri.

Umpamanya borang perisytiharan hartabenda Perdana Menteri menghendaki orang yang mengisytiharkan untuk mengumumkan hartabenda tetapnya seperti tanah dan rumah, dan juga saham-saham yang dimilikinya dalam syarikat dan akaun banknya.

Walau bagaimanapun, cara dengan mana borang-borang perisytiharan harta benda dirangka, terdapat berbagai-bagai kelemahan atau loop-holes yang mengizinkan mereka mengelakkan diri dari membuat perisytiharan yang lengkap berbangkit dari:

- (1) Orang yang membuat persyitiharan dihendaki mengumumkan harta-benda rumah, dan tanah yang dimiliki di dalam dan di luar negeri,

dan juga milik isteri/suami, dan anak-anak di bawah umur atau tanggungan ini tidak termasuk hartabenda rumah dan tanah yang dimiliki oleh anak-anaknya yang sudah cukup umur yang memberikan peluang untuk melepaskan diri dari harta yang didapati secara haram.

- (2) Walaupun orang yang membuat perisytiharan dikehendaki mengumumkan syarikat dan saham-saham syarikat yang dimilikinya, ini hanya dikenakan kepada saham-saham tempatan dan bukannya kepada saham-saham luar negeri.
- (3) Walaupun seorang yang membuat perisytiharan dikehendaki mengumumkan wang tunai dan akaun bank yang dimilikinya, termasuk simpanan dan simpanan tetapnya, tetapi beliau tidak dikehendaki mengisytiharkan akaun banknya di luar negeri. Ini akan menghalalkan Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Menteri-menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli-ahli Exco dan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan untuk menyimpam wang haram bukan sahaja di akaun-akaun yang tidak bernombor di Switzerland tetapi juga di mana-mana akaun di luar negeri, kerana mereka tidak perlu mengisytiharkannya. Sungguhpun ianya tidak mungkin untuk memeriksa kebenaran akaun-akaun di luar negeri yang disimpan oleh orang yang membuat perisytiharan, perisytiharan demikian adalah diperlukan untuk melengkapi perisytiharan tersebut. Jika tidak, apa yang harus dibuat oleh seorang yang membuat perisytiharan hanyalah untuk menjual hartabendanya dan memindahkan wang yang diperolehi dari jualan hartabenda tersebut ke akaun bank di luar negeri atau dengan membeli saham-saham di luar negeri.

- (4) Kelemahan yang paling besar dari semuanya adalah perisytiharan tersebut tidak 'back datekan' untuk sesuatu tempoh yang ditentukan. Ini bermakna sebelum perisytiharan dibuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sesiapa sahaja boleh menjual hartabendanya dan memindah milik kepada nama anak-anak mereka yang sudah dewasa atau kepada saudara-mara kecuali kepada isteri atau anak-anak mereka yang belum cukup umur, dan mereka boleh melepaskan diri dari perisytiharan yang sebenarnya. Jelaslah, perisytiharan hartabenda seperti ini perlu dikebelakangkan untuk dua atau tiga tahun supaya dapat memberi gambaran yang sebenar mengenai kedudukan hartabenda orang yang membuat perisytiharan tersebut.

Kelemahan yang terbesar Perisytiharan Hartabenda yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah ianya hanya dibuat kepada Perdana Menteri sendiri. Perdana Menteri telah mengatakan yang beliau tidak akan dapat menghapuskan rasuah, tetapi akan 'put the fear of God in those people who are corrupt'.

Saya tidak begitu yakin dengan 'fear of God' dapat menentang rasuah kerana sehingga sekarang, pemimpin-pemimpin politik dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang diketahui oleh semua sebagai korup, kerana mempunyai hartabenda dan pendapatan yang tidak seimbang dengan sumber-sumber pendapatan mereka yang diketahui, masih bebas tanpa sebarang tindakan diambil terhadap mereka.

Ini bukanlah kerana kekurangan pengetahuan bahawa mereka telah mendapat kekayaan dan hartabenda dengan cara yang korup, tetapi adalah kerana kekurangan ketegasan dan kemahuan politik untuk membersihkan 'Augean's Stable of Corruption', kerana ini akan menggoncangkan seluruh sistem kuasa politik di dalam Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Namun demikian, kami mengucapkan selamat kepada usaha Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memerangi rasuah kerana rasuah yang menjadi-jadi dan tidak terkawal boleh membawa kepada keruntuhan semangat moral dan kemahuan politik negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa untuk memperkemas lagi jentera Kerajaan, Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan telah mengambil langkah-langkah yang menyeluruh bagi menyelaraskan kaedah-kaedah pentadbiran dan bagi mempercepatkan proses serta meningkatkan kecerdasan membuat keputusan. Tapi ini nampaknya tidak dicerminkan oleh prestasi pembangunan tahun ini.

Laporan Ekonomi Perbendaharaan 1981/82 muka 57 menyatakan dari jumlah peruntukan sebanyak \$14,627 juta untuk pembangunan bagi tahun 1981, tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, perbelanjaan pembangunan sebenar dijangka mencapai \$9,190 juta, iaitu tambahan sebanyak 23% berbanding dengan perbelanjaan pembangunan sebenar sebanyak \$7,463 juta dalam tahun 1980. Tapi dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan, yang saya rasa tidak terpisah dari Laporan Ekonomi lebih dari sebulan, mungkin 2 minggu, satu anggaran yang dikaji semula tentang perbelanjaan sebenar untuk pembangunan sebanyak \$8,611 juta—satu perbezaan \$579 juta. Ini bermakna keupayaan melaksanakan projek-projek pembangunan oleh Kerajaan bagi tahun 1981 hanya 58.8% dari jumlah peruntukan pembangunan.

Ini meletakkan Kerajaan Persekutuan di tahap yang sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan keupayaan pelaksanaan pembangunannya yang sentiasa menjadi bahan kritik oleh Ketua Odit Negara di dalam laporan-laporannya. Adalah jelas langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaksanaan masih perlu memberikan kesan yang lebih untuk meninggikan keupayaan melaksanakan pembangunan oleh Kerajaan.

Keperluan untuk meninggikan keupayaan melaksanakan projek-projek pembangunan

tidaklah sepatutnya digunakan sebagai alasan mengjustifikan pembaziran wang awam di dalam projek-projek yang dirancang dengan tidak betul, kajian kemungkinan yang tidak mencukupi ataupun kerana ketidak-cekapan dan tidak sesuai.

Pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila beliau membuat lawatan ke Negeri Sembilan pada awal bulan September, bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sembilan sebanyak \$23 juta akibat kerugian yang dialami oleh Gula N. S. adalah satu contoh yang tepat.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata perkara menghapuskira \$23 juta ringgit pada Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan janglah dianggap sebagai menyetujui dengan kerugian tersebut tetapi hendaklah menjadi amaran kepada semua PKEN-PKEN yang lain yang mereka harus menjalankan kajian-kajian yang sempurna sebelum melibatkan diri di dalam mana-mana projek.

Saya memandang begitu berat sekali kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hinggakan saya menulis kepada beliau mendesak beliau supaya menimbang semula penghapusankiraan tersebut kerana keadaan di mana pengumuman itu dibuat akan menjadi contoh tauladan yang tidak sihat sekali bagi Kerajaan-kerajaan Negeri dan Perbadanan-perbadanan awam yang lain.

Saya berani mengatakan 'amaran' yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu kepada PKEN-PKEN yang lain bahawa hutang-hutang yang diperolehi dari Kerajaan Persekutuan akan dihapuskira jika mereka gagal di dalam projek-projek mereka, akan dialu-alukan oleh kebanyakan jika tidak semua PKEN-PKEN di negara ini yang mungkin akan bersaing antara satu sama lain untuk mendapat amaran yang terbesar bersama hapuskira hutang yang terbesar sekali.

Kadar hapuskira Kerajaan Persekutuan yang begitu besar tanpa perakaunan awam tentang sebab-sebab gula N.S. gagal sebuah perbadanan Kerajaan tidak akan memberi kesan-kesan yang instructive untuk mencegah berlakunya bencana-bencana Gula N. S. di Negeri Sembilan dan Negeri-negeri yang lain.

Adalah jelas satu kriteria yang baik hendaklah diadakan sebelum pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dihapuskan kerana ia melibatkan wang para pembayar cukai. Sekurang-kurangnya sebab-sebab kenapa Perbadanan Awam tersebut gagal hendaklah diumumkan secara terbuka, apakah pelajaran yang dapat dicontohi dari badan-badan dan pegawai-pegawai Kerajaan dan sama ada mereka-mereka yang bertanggungjawab untuk kegagalan perbadanan awam dan kehilangan begitu banyak wang rakyat telah didakwa (brought to book) disebabkan kelalaian dan tidak ada keupayaan.

Kedudukan kewangan beberapa syarikat PKEN adalah di dalam keadaan yang buruk. Menurut laporan Ketua Odit Negara atas kira-kira Kerajaan Negeri Johor 1978, Kerajaan Negeri Johor telah melaburkan sebanyak \$3.95 juta dalam lima buah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya olehnya dengan memberi pendahuluan \$4.26 juta kepada dua dari lima syarikat berkenaan untuk perbelanjaan mengurus mereka. Setakat 31hb Disember, 1978 'asset backing' kelima-lima syarikat tersebut hanya \$1.25 juta.

Satu set kriteria yang tegas dan sempurna hendaklah dirangka yang merangkumi element-element akauntabiliti awam sebelum mana-mana pinjaman Persekutuan kepada PKEN-PKEN yang dibuat melalui Kerajaan Negeri dihapuskan untuk menentukan taraf prestasi dan kompetent yang lebih dan juga memastikan agar PKEN-PKEN tidak menjadi 'bottomless pits' di mana lebih banyak wang awam terpaksa disalurkan tanpa membawa sebarang keuntungan. Di dalam keadaan jimatcermat ekonomi dan kewangan ini, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa perbelanjaan awam dibelanjakan secara produktif, agar rakyat mendapat nilai bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

Dalam hubungan ini, perbelanjaan yang bersifat membazir dan tidak berproduktif seperti pintu gerbang yang bernilai \$5 juta yang memisahkan Wilayah Persekutuan dengan Selangor yang dibiayai dari wang pampasan Kerajaan Persekutuan kepada Selangor adalah sebuah tugu peringatan yang besar yang melambangkan bagaimana wang awam disalahbelanjakan, dan semua pintu gerbang-pintu gerbang di lain-lain bahagian negara ini hendaklah dihentikan.

Kerajaan hendaklah melancarkan satu kempen jimatcermat untuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak diperlukan dan menambahkan daya pengeluaran para pekerja sama ada di sektor awam ataupun di sektor swasta.

Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan di dalam ucapan Belanjawan bagi tahun 1982 bahawa usaha Kerajaan tidak akan menjadi kurang bagi mencapai matlamat socio-ekonomi Dasar Ekonomi Baru.

Peningkatan inflasi baru-baru ini telah menjejaskan dengan teruk golongan miskin terutama sekali di bidang perumahan dan barang-barang keperluan pengguna. Terdapat pertelingkahan antara pakar ekonomi dengan pegawai-pegawai Kerajaan tentang kadar inflasi yang sebenarnya, pakar-pakar di universiti-universiti (university dons) mendakwa bahawa inflasi adalah lebih kurang meningkat tiga mata lebih tinggi dari angka Petunjuk Harga Pengguna, yang akan membawa Malaysia kepada double-digit inflasi dalam suku kedua tahun ini.

Selain dari pengurangan cukai import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas barang-barang pengguna Kerajaan juga hendaklah memastikan langkah-langkah tersebut akan mengurangkan inflasi yang telah mengurangkan kuasa pembelian orang-orang miskin dan pendapatan rendah dengan menubuhkan sebuah Jabatan Pengguna yang berkesan dengan tugas menentukan pengurangan cukai import, cukai tokok dan cukai jualan ke atas berbagai-bagai barang pengguna terdapat di dalam jualan runcit.

Memandangkan kepada temuduga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena 100 hari memegang jawatan pada hari ini saya

rasa adalah perlu bagi Parti saya Partai DAP menegaskan semula pendirian atas Dasar Ekonomi Baru.

DAP dan bilangan besar rakyat yang menyokong DAP bersetuju dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perpaduan negara menerusi proses serampang dua untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia untuk membasmi identiti kaum dengan kerja, vokesyen, lokasi. Kami juga menerima ikrar DEB dalam perlaksanaannya "tiada mana-mana golongan akan mengalami atau merasa dinafikan baik hak, istimewa, pendapatan, kerja atau peluangnya".

Apabila Rancangan Malaysia Kedua dibahas di Parlimen lebih 10 tahun dahulu, saya telah berkata bagi pihak Parti DAP dalam Dewan ini pada Julai, 14, 1971, bahawa DAP menyokong penuh kedua-dua matlamat DEB untuk mengurang dan kemudiannya menghapuskan kemiskinan dengan meningkatkan taraf pendapatan serta juga menambahkan peluang-peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, dan penyegeraan proses menyusun semula masyarakat Malaysia untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi, supaya dapat mengurang dan pada akhirnya menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Apa yang kita tidak menyokong ialah sebarang percubaan 'selective restructuring' atau penafian ikrar DEB tidak akan berlakunya apa-apa diskriminasi terhadap mana-mana golongan kaum. Apabila DEB dikaji semula, kita akan dapati bahawa terdapat 'selective restructuring' sepertimana digambarkan dengan keengganan Kerajaan untuk menyusun semula rancangan-rancangan FELDA untuk mencerminkan komposisi kaum negara ini, serta juga untuk mengurangkan dan menghapuskan identifikasi FELDA dengan mana-mana kaum. Semasa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, FELDA telah menempatkan semula seramai 42,200 keluarga, sebahagian besarnya dari satu kaum sahaja, dan ini adalah bercanggah sama sekali dengan matlamat menyusun semula DEB.

Setiap tahun, terdapat percubaan-percubaan baru untuk tidak menghiraukan ikrar DEB agar mana-mana golongan kaum tidak akan berasa kehilangan atau dinafikan sesuatu. Dalam tahun 1980, terdapat peristiwa Bintulu di mana Lembaga Pembangunan Bintulu telah memperkenalkan satu peraturan baru di mana sebelum permohonan-permohonan untuk pembangunan tanah boleh dibuat di Bintulu untuk pertimbangan, sekurang-kurangnya 50% equiti saham tanah tersebut hendaklah dipegang oleh orang bumiputra. Peraturan Bintulu itu merupakan satu pelanggaran serius akan ikrar Dasar Ekonomi Baru bahawa "tiada mana-mana golongan kaum yang akan mengalami sebarang kerugian atau berasa dinafikan sesuatu dan seterusnya peraturan tersebut melanggar hak Perlembagaan untuk memiliki hartabenda serta juga dijamin dari 'back door expropriation'.

Tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, yakni tahun 1981, ikrar DEB itu dilanggari lagi oleh peristiwa Sungai Abong dan Tanjung Agas di Muar.

Dalam tahun 1972, Kerajaan Negeri Johor telah mengeluarkan notis tentang niatnya untuk mengambilalih tanah di Sungai Abong, tanah berkenaan adalah milik orang-orang China. Pengambilalih tanah hanya dibuat dalam tahun 1976. Satu skim rumah-rumah kos rendah telahpun dirangka untuk kawasan tersebut dan dalam tahun 1979, kawasan tersebut diwartakan sebagai Tanah Simpanan Melayu. Akibat ini, apabila orang ramai dipelawa memohon untuk 578 unit rumah kos rendah tersebut, pemohon-pemohon bukan Melayu tidak diterima atas alasan bahawa skim perumahan berkenaan terletak di Tanah Simpanan Melayu. Perkara yang sama juga berlaku di skim perumahan kos rendah di Tanjung Agas yang melibatkan 542 unit rumah kos rendah.

Dengan cara atau 'expedient' ini, orang-orang bukan Melayu dinafikan peluang untuk mendapatkan rumah-rumah awam kos rendah dan ini jelas adalah bertentangan dengan Dasar Ekonomi Baru yang mengatakan bahawa mereka tidak akan mengalami atau merasa dinafikan hak-hak dan peluang-peluang mereka. Malahan, peristiwa Sungai Abong dan Tanjung Agas

juga melanggar matlamat kedua Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dan akhirnya menghapuskan identifikasi kaum dengan lokasi. Sekiranya, adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk mewujudkan environment hidup berbilang kaum, maka Kerajaan hendaklah henti dari mewujudkan skim-skim perumahan yang dikhaskan secara eksklusif untuk satu kaum sahaja. Lanjutnya, sekiranya hak kaum-kaum lain untuk menerima peruntukan rumah-rumah kos rendah yang adil boleh dinafikan dengan cara mengisytiharkan sebidang tanah yang dibeli dari pemilik-pemilik bukan Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu, maka hak-hak kaum lain di lain-lain bidang sosio-ekonomi juga boleh turut dinafikan.

Inilah sebabnya kenapa DAP menuntut supaya satu suruhanjaya ditubuhkan untuk Dasar Ekonomi Baru yang akan menerima pengaduan terhadap mereka yang melanggar ikrar Dasar Ekonomi Baru terhadap perjanjian "no loss or deprivation" bagi mana-mana golongan kaum di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bagi memastikan perpaduan negara, yang merupakan matlamat utama Dasar Ekonomi Baru tidak ditewaskan.

Jika Suruhanjaya Dasar Ekonomi Baru yang sedemikian boleh mendengar dan memutuskan mengenai aduan Dasar Ekonomi Baru, maka pertentangan Bintulu 1980, dan pencabulan Sungai Abong dan Tanjung Agas dalam 1981 dapat dirujuk supaya satu solusi yang baik dapat dicapai.

Saya mengalu-alukan peruntukan \$1,428 juta bagi perumahan di dalam anggaran

pembangunan tahun depan. Perumahan adalah merupakan bidang yang terbesar di mana Barisan Nasional telah gagal di dalam dekat 1970an. Peruntukan yang besar ini adalah langkah yang tepat ke arah memberikan masalah perumahan, perhatian yang sepatutnya telah diberikan telah lama dahulu. Walau bagaimanapun, peruntukan perbelanjaan pembangunan perumahan hendaklah disertai dengan keupayaan untuk memberi rakyat tempat tinggal khasnya dengan memusatkan usaha pembinaan perumahan nasional di dalam satu Lembaga Perumahan Kebangsaan. Saya tidak mahu berbicara lebih lanjut, oleh kerana saya reseb apa yang akan saya katakan mengenai perumahan semasa peringkat jawatankuasa perbincangan Kementerian Perumahan.

Bagaimanapun, saya mesti melahirkan rasa tidak puas hati saya atas kegagalan Menteri-menteri Perumahan untuk bertindak terhadap perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kementerian mengenai Akta Kawalan Sewa, untuk mencari jalan bagi memastikan sewaan murah bagi golongan miskin di kawasan bandar. Saya rasa tidak ada perkara, selain daripada membina unit perumahan yang cukup di negara ini yang menunjukkan sikap tidak acuh dan tidak bertanggungjawab Menteri Perumahan masing-masing yang masih tidak dapat menyediakan rumah murah yang cukup di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan perbelanjaan pertahanan yang begitu banyak dalam beberapa tahun yang lalu adalah suatu perkara yang harus dipandang berat.

Dari tahun 1975 ke atas, perbelanjaan pertahanan adalah dibudget seperti berikut:

	<i>Perbelanjaan Mengurus (\$ juta)</i>	<i>Perbelanjaan Pembangunan (Dalam \$ juta)</i>	<i>Jumlah (\$ juta)</i>	<i>Peratus Jumlah Belanjawan</i>
1975 .. ..	939	116	1,055	15%
1976 .. ..	780	338	1,118	13.6%
1977 .. ..	973	351	1,324	12.5%
1978 .. ..	1,090	316	1,406	11.9%
1979 .. ..	1,174	530	1,704	11.9%
1980 .. ..	1,443	812	2,255	10.8%
1981 .. ..	1,700	1,619	3,319	13.8%
1982 .. ..	2,150	2,700	4,850	15.57%

Apabila Perdana Menteri mengambil alih jawatan, beliau menyatakan bahawa Kerajaan tidak menganggap Vietnam sebagai ancaman secara langsung kepada Malaysia. Jika inilah persepsi dan dasar pertahanan Kerajaan, maka ia hendaklah diikuti pula dengan pengurangan besar dalam ertikata perbelanjaan pertahanan supaya dapat menumpukan perhatian ke atas pembangunan sosio-ekonomi negara yang merupakan element yang penting dalam pembinaan ketahanan (resilience) rakyat dan negara.

Cadangan Kerajaan untuk membelanjakan sebanyak \$9.3 billion untuk membeli kelengkapan pertahanan di bawah Rancangan Malaysia Keempat seperti Air Force Skyhawks atau Corsairs, kereta-kereta kebal, Armoured Personnel Carriers dan Fire Support Vehicles, 155 mm howitzers, yang kesemua ini adalah kelengkapan-kelengkapan yang bertujuan bukan untuk melakukan peperangan gurila tradisional atau peperangan dalam hutan tetapi untuk melakukan peperangan konvensional.

Pada masa ini musuh yang berkemungkinan adalah Vietnam yang dilengkapi dengan kelengkapan-kelengkapan yang dibekalkan oleh Soviet Rusia dan juga oleh kelengkapan-kelengkapan yang ditinggalkan oleh Amerika Syarikat.

Sekiranya Kerajaan Malaysia menganggap Vietnam sebagai ancaman yang berkemungkinan dalam satu peperangan militer konvensional, soal yang harus diberi pertimbangan oleh penggubal-penggubal dasar dan Parlimen ialah sama ada Malaysia dengan sendirinya dapat menghadapi suatu kemungkinan 'onslaught' dari Vietnam dengan menggunakan sumber-sumbernya sendiri, ataupun sama ada sumber-sumber militer negara-negara Asean perlu digembelngkan bagi permulaan, yang juga akan mengurangkan kos pertahanan yang ditanggung oleh setiap negara ASEAN.

Malaysia juga harus menimbang tentang bahayanya ditingkatkan kemiliterian (militarization) di negara ini yang mungkin boleh mencetus satu perampasan kuasa

militeri military coup d'etat sepertimana pernah berlaku di negara-negara lain yang telah meningkatkan perbelanjaan-perbelanjaan pertahanannya.

Selanjutnya, peranan sebuah tentera yang kian kembang dalam bidang pembinaan negara hendaklah juga diberi persepsi yang sebenar kerana memangnya perkhidmatan tentera boleh digunakan sebagai alat penting untuk menjadikan askar-askar, kelasi-kelasi dan tentera udara kita lebih Malaysian. Dalam pada ini, satu dasar yang sengaja untuk menyusun semula Angkatan Tentera hendaklah dijalankan untuk mengurangkan dan menghapuskan identifikasinya dengan mana-mana kaum.

Disebabkan Belanjawan ini merupakan satu Belanjawan pilihanraya, ingin saya memberi amaran kepada Kerajaan supaya jangan salahgunakan wang awam bagi tujuan memancing undi.

Kita telah lihat dalam masa-masa lampau bagaimana dalam tahun sebelum pilihanraya, begitu banyak wang awam digunakan untuk berbagai-bagai projek dengan harapan untuk memancing undi.

Sumber-sumber negara dan Kerajaan telah digunakan oleh berbagai-bagai pemimpin politik dalam Kerajaan seolah-olah sumber-sumber itu adalah sebahagian dari harta benda parti untuk diberi kepada orang ramai.

Saya difahamkan bahawa mulai bulan Jun ini, wang untuk menjalankan projek-projek kecil dalam setiap kawasan telah ditambah dari \$100,000 kepada \$200,000 setahun, dan wang ini dibelanjakan atas perakuan Ahli Parlimen Barisan Nasional bagi kawasan berkenaan.

Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah yang sudah jadi kepada wang pembangunan untuk projek-projek kecil yang diperuntukkan setiap tahun untuk kawasan-kawasan yang dipegang oleh pihak Pembangkang. Dan sama ada beliau bersedia menetapkan satu contoh tauladan fair-play dengan membenarkan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang menggunakan wang pembangunan untuk projek-projek kecil di kawasan-kawasan masing-masing.

Pengundi-pengundi di kawasan pembangkang juga adalah membayar cukai dan mereka berhak menerima wang pembangunan seperti juga pembayar-pembayar cukai di kawasan-kawasan lain. Jika wang \$200,000 itu datangnya dari tabung Barisan Nasional—memanglah kita tidak boleh komen. Akan tetapi, disebabkan wang tersebut datangnya dari Perbendaharaan Persekutuan, maka rakyat berhak menerima 'an even-handed approach and fair play'. Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat memberi satu jawapan yang memuaskan kepada perkara yang sudah menjadi rungutan rakyat di kawasan-kawasan Pembangkang sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mahu timbulkan satu perkara, pada akhir bulan July, Yang Berhormat Menteri Pertanian, telah membenarkan perlanjutan selama tiga bulan sehingga 1hb November, 1981, bagi menguatkuasakan Peraturan-peraturan Perikanan 1980 yang baru yang menghalang penggunaan jala yang jaringnya kurang dari 1.5 inci berbanding dengan jala yang ada di mana jaringnya hanya 1 inci oleh nelayan pukut tunda.

Ini adalah berikutan dari demonstrasi lebih dari 1,000 orang nelayan pukut tunda di Pantai Remis dan Dindings yang enggan keluar ke laut oleh kerana mereka akan hanya mendapat tangkapan yang sedikit dan mengalami kesulitan ekonomi yang berat.

Salah satu peraturan tersebut menghalang bot pukut tunda yang 40 tan dan ke bawah dari menangkap ikan di dalam lingkungan lima batu dari pantai jika dibandingkan dengan had tiga batu dahulu.

Had masa tersebut berakhir pada 1hb November, iaitu lagi empat hari, dan nelayan pukut tunda di kawasan Dindings dan lain-lain kawasan di negara ini berada di dalam keadaan panik.

Pegawai-pegawai Perikanan di Perak telah keluar ke laut bersama dengan nelayan-nelayan pukut tunda dan telahpun mengesahkan apa yang diadukan oleh nelayan-nelayan pukut tunda, bahawa jaring jala 1.5 inci tersebut dengan mudah akan mengurangkan tangkapan mereka separuh

atau lebih, membuatkan ianya tidak ekonomi bagi mereka untuk meneruskan penghidupan mereka.

Nelayan-nelayan pukut tunda yang ada sekarang adalah digalakkan oleh Jabatan Perikanan supaya menukar cara menangkap ikan yang tradisional kepada menangkap ikan dengan pukut tunda di pertengahan tahun 80an, dan sekarang dengan Peraturan-peraturan Perikanan yang baru, nelayan-nelayan pukut tunda ini berada di dalam keadaan terpinga-pinga tidak tahu apa yang harus dibuat, lebih tepat lagi mereka diletakkan di antara dengan izin "the devil and the deep blue sea".

Ini adalah kerana perahu mereka dan kelengkapan mereka adalah terlalu tidak ekonomik untuk digunakan bagi tangkapan ikan yang tradisional di tepi pantai, dan adalah terlalu kecil dan tidak lengkap bagi menangkap ikan di laut yang dalam, walaupun untuk jarak lima batu dari pantai atau lebih.

Oleh kerana Kerajaan telah pada mulanya menggalakkan mereka untuk menukar kepada pukut tunda, Kerajaan mempunyai obligasi dan tugas moral kepada mereka untuk memastikan bahawa mereka tidak mengalami kerugian kewangan yang besar dan kesusahan, oleh kerana sebahagian besar dari mereka masih di dalam proses cuba menghabiskan bayaran bagi bot tunda dan alat-alat mereka. Selanjutnya jangka waktu bot tunda tersebut adalah dianggarkan lebih kurang 8 hingga 10 tahun, dan untuk meninggalkan bot-bot tersebut sekarang, sekiranya Peraturan-peraturan tersebut dikuatkuasakan dengan tegas, bererti kerugian sepenuhnya terhadap pelaburan mereka tanpa harapan untuk recoup balik.

Sekiranya dasar Kerajaan untuk menghapuskan nelayan pukut tunda secara kecilan dari zon tiga kepada zon lima batu, sebagaimana yang dibenarkan dahulu, maka Kerajaan hendaklah merangka satu skim yang menyeluruh dan menyediakan tempoh yang berpatutan untuk penghapusan tersebut, dan bukanlah dengan mengenakan dan melaksanakan Peraturan-peraturan tanpa menimbangkan kesusahan yang menimpa kepada nelayan-nelayan pukut

tunda tersebut yang telah memberikan sumbangan terhadap perusahaan perikanan dan pendapatan eksport negara ini.

Nelayan pukat tunda sepatutnya diberikan sekurang-kurangnya tiga tahun untuk dibasmikan, ialah dari zon 3 batu ke 5 batu ke laut dan dengan bantuan Kerajaan, menukarkannya kepada pukat tunda yang lebih besar dan lebih kapitalais untuk tangkapan di laut dalam, atau diberikan bantuan-bantuan dalam bentuk lain untuk mencari pekerjaan pilihan yang lain, atau membela ikan air tawar atau dalam bentuk "aquaculture" yang lain.

Adalah tidak adil bagi pihak Kementerian Pertanian dan Jabatan Perikanan memberitahu nelayan pukat tunda sama ada pergi menangkap ikan di laut dalam atau kembali menangkap ikan secara tradisional, terutama tangkapan ikan di laut dalam adalah suatu perkara yang masih baru di Malaysia.

Mengikut Laporan Perbendaharaan, MAJUIKAN hanya baru sekarang merancang untuk mengkaji kemungkinan tangkapan ikan di laut dalam, dan di dalam kajian ini sebuah kapal penyelidikan yang boleh digunakan di dalam perairan yang lebih dari 60 batu dari pantai dijangka akan siap baru dalam tahun 1982.

Oleh itu saya mendesak Menteri Pertanian supaya melanjutkan lagi had masa 1hb November bagi pelaksanaan Peraturan-peraturan Perikanan supaya memberikan masa kepada Kerajaan untuk membasmikan tangkapan ikan pukat tunda dari jarak 3 batu kepada 5 batu dari pantai, supaya dapat membuat satu skim menyeluruh untuk menjaga kepentingan ekonomi nelayan-nelayan pukat tunda yang menerima kesan buruk akibatnya. Kerajaan sepatutnya bersedia untuk memberikan insentif kepada nelayan pukat tunda dan menukarkan bot mereka kepada bot pukat yang lebih besar di dalamertikata bantuan kewangan, atau skim yang konkrit untuk mendapatkan pekerjaan pilihan yang lain seperti dalam "aquaculture" ataupun di dalam rancangan tanah.

Untuk meluluskan dan menjalankan hukuman mati kepada segolongan rakyat Malaysia yang telah menjalankan kegiatan

ekonomi mereka yang sah yang memberi sumbangan kepada ekonomi nasional tanpa bantuan dari Kerajaan dan peluang untuk menukar bentuk kegiatan ekonomi mereka adalah tidak berperikemanusiaan dan kejam, dan tidaklah secukup dengan sebuah Kerajaan yang komited terhadap kebajikan rakyatnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Baling.

4.48 ptg.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling):** Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita sekarang ini ada suatu Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan meminta Dewan ini meluluskan sejumlah lebih kurang \$32 billion iaitu satu jumlah yang sungguh besar untuk digunakan oleh Kerajaan bagi mengendalikan urusan negara dan juga menjalankan rancangan-rancangan pembangunan yang telah ditetapkan dan ditentukan oleh Kerajaan dan sepertimana biasa bahawa bentuk dan corak belanjawan yang telah dikemukakan itu adalah dengan menggunakan alasan yang lumrah iaitulah untuk kepentingan rakyat dan untuk membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Bagaimanapun, belanjawan yang telah dikemukakan itu tidaklah ketandusan keistimewaannya kerana ia merupakan belanjawan yang pertama bagi Perdana Menteri Malaysia yang keempat yang dikatakan banyak mempunyai kelainan daripada Perdana Menteri-Perdana Menteri yang terdahulu sekurang-kurangnya ia dikatakan mempunyai style yang tersendiri di dalam menjalankan pemerintahan negara ini.

Bagaimanapun, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucap 'ahniah kepada beliau yang sampai hari ini sudah menjawat jawatan selama 100 hari sebagai Perdana Menteri dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan jujur dan ikhlas sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat.

Bagaimanapun, belanjawan yang dibentangkan ini masih merupakan bayang-bayang daripada hakikat yang lama sedangkan yang baru belum berkilat ikan di

air dan belum tahu jantan betinanya. Tetapi saya rasa dari kolam ikan yang sama masakan muncul burung-burung merpati, yang lahir ialah ikan-ikan jua sama ada ikan emas yang berkilat ataupun ikan haruan yang memakan anaknya. Sama ada Kerajaan sekarang ini ikan emas atau ikan haruan tidaklah kita runsingkan sangat tetapi yang mungkin merunsingkan kita ialah di dalam kolam yang terdapat berbagai-bagai jenis ikan turut pula dipelihara memerang yang memamah dan meratah ikan-ikan sesuka hatinya; yang meragut peruntukan-peruntukan daripada Belanjawan ini untuk mengisi perut mereka yang telahpun kenyang.

Sekadar manakah kudrat misal kita mampu bersuara mendakyahkan bahawa ikan di kolam gembira dan kenyang kerana kita setiap hari menaburkan makanan sedangkan memerang turut dipelihara menyeringai taringnya, menanti kemunculan ikan-ikan yang manja, bersimpang-siur mengutip habuk-habuk dedak di permukaan air? Seruling yang ditiup dengan hembusan bayu yang mengindahkan suara ke telinga memang sedap didengar, senikata hendak membetulkan keadaan mengimbangkan pendapatan antara golongan berada dengan cara tidak menyentuh sesiapa, ibarat kata pepatah: Ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah, tanah di mana ular dipukul jangan lekuk.

Semuanya ini memang senikata yang indah, samalah seperti laongan di awal kemerdekaan bahawa kita mahu membina rumah-rumah untuk rakyat bukan berek-berek untuk tentera. Tetapi kenyataan menghendaki berek-berek tentera juga perlu dibina di samping rumah-rumah untuk rakyat. Kerana itu senikata yang indah bahawa kita akan melihat ikan-ikan supaya bergembira dan kenyang bersimpang-siur di permukaan air, mengutip dedak-dedak yang ditabur tanpa mengapa-apakan memerang dengan taring dan giginya yang menyeringai, yang bertambah jelas sekarang ini sebagai slogan yang anih. Masakan memerang akan menyanyangi ikan-ikan dengan pelukan mesra dan kemudian melepaskannya bermain riang berenang ke permukaan dan ke dasar air!.

Hakikat inilah yang perlu diketahui oleh pemerintah dalam usaha mengimbangkan pendapatan rakyat supaya kekayaan negara ini dinikmati secara adil dan saksama oleh setiap golongan masyarakat dan tidaklah dibolot oleh segelintir manusia sahaja seperti yang ada sekarang ini. Sebenarnya masalah ketidak seimbangan dalam menikmati kekayaan negara terus berkembang bersama-sama dengan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Makin pesat berlakunya pertumbuhan ekonomi, makin luas jurang perbezaan ini sehingga perbezaan yang bertambah jauh itu sampai ke paras bahaya dan ketidakadilan sosial makin bertambah nyata.

Walaupun gembar-gembur tentang kejayaan menghapuskan kemiskinan diperhebatkan namun pekung yang mendedahkan yang kaya bertambah kaya dan yang miskin papa kedana tidak dapat ditutup dengan jari semata-mata. Alasan-alasan yang dikemukakan untuk membuktikan bahawa kadar kemiskinan berkurangan daripada 43.9% dalam tahun 1975 kepada 29.2% dalam tahun 1980 tidak menasabah dan tidak kukuh serta tidak meyakinkan. Paras kemiskinan yang sebenarnya tidak dinyatakan dengan tegas sehingga andaian dibuat bahawa dengan bertambahnya beberapa peratus pendapatan isi keluarga maka jumlah isi keluarga yang bertambah sedikit pendapatannya itu sudah ditolak daripada peratus kemiskinan.

Misalnya, pertambahan pendapatan penduduk luar bandar daripada \$200 dalam tahun 1970 kepada \$286 dalam tahun 1976 iaitu pertambahan pendapatan kira-kira 6.1% dijadikan asas untuk menentukan paras kemiskinan isi keluarga tetapi keadaan-keadaan itu tidak diukur daripada pertambahan harga-harga barang dan keadaan inflasi dan di mana rakyat di luar bandar terus menderita kepayahan dan kesulitan di dalam kehidupan mereka dan mereka ini sebenarnya menghadapi keadaan yang lebih sulit daripada masa-masa yang lalu.

Dalam mengemukakan hujah untuk menguatkan kenyataan Kerajaan bahawa kemiskinan di kalangan penanam padi telah

berjaya dikurangkan daripada 77% kepada 74% dalam tahun 1978; Kerajaan telah mengemukakan alasan-alasan yang merupakan faktor sampingan sahaja seperti subsidi baja dan jumlah wang awam yang dikeluarkan untuk memajukan para petani tetapi Kerajaan tidak menerangkan sama ada Kerajaan benar-benar telah berjaya mengatasi masalah-masalah yang menjadi punca sebenar kemiskinan para petani. Misalnya, saiz tanah yang kurang, kenaikan kos pengeluaran dan sebagainya. Fakta-fakta ini sengaja disorokkan oleh Kerajaan dan setahun saya Kerajaan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia telahpun membuat kajian mengenai perkara ini dan Kerajaan tidak pula menyatakan sama ada usaha-usaha yang sungguh-sungguh sedang dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut dan sama ada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan di dalam penyiasatan itu akan dijadikan asas bagi mewujudkan suatu rancangan raksaksa bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan para petani.

Kerajaan juga telah menjadikan suatu phenomena sementara mengenai kenaikan harga getah sebagai asas membuktikan bahawa kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil telah berkurangan daripada 59% pada tahun 1975 kepada 48% dalam tahun 1978. Asas seperti ini tidak menasabah dan tidak kukuh untuk membuat satu perangkaan mengenai kejayaan mengurangkan kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil sedangkan faktor-faktor utama kemiskinan mereka belum diatasi.

Andai kata kita menggunakan phenomena sementara ini sekalipun Kerajaan tidak patut mendakwa bahawa ia berjaya mengurangkan kemiskinan dengan kenaikan harga getah justeru kenaikan harga getah itu tidak sangat merupakan kejayaan usaha-usaha Kerajaan kerana turun harga getah tertakluk kepada keadaan pasaran antarabangsa yang Kerajaan Malaysia bukan mempunyai kuasa penentu di dalamnya melainkan apabila negara-negara pengeluar getah mempunyai kuasa penentu dalam menentukan harga pasaran getah seperti negara-negara OPEC mempunyai kuasa penentu di dalam

menetapkan harga minyak barulah Kerajaan boleh mendakwa kejayaannya dalam masalah harga getah ini.

Kita mengakui bahawa Kerajaan menerusi agensi-agensinya berusaha menghapuskan kemiskinan luar bandar ini yang kebanyakannya melibatkan sektor pertanian. Sejumlah besar wang awam telah dibelanjakan untuk memodendan sektor pertanian sebagai usaha menambahkan pendapatan dan menghapuskan kemiskinan luar bandar. Walaupun beberapa kejayaan telah dicapai menerusi pelaksanaan projek-projek Kerajaan namun usaha-usaha Kerajaan itu belum menampakkan hasrat untuk mengubah struktur pertanian sebagai satu cara bagi mengatasi punca sebenar kemiskinan di luar bandar.

Kerajaan misalnya telah membuat pelaburan yang besar dalam membina parit-parit dan taliair untuk penanam-penanam padi dan projek-projek besar seperti MUDA, Kemubu dan juga Besut telah dilancarkan oleh Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan penanam-penanam padi. Dengan pelaburan yang besar ini kita mengharapkan berlakunya perubahan yang menyeluruh dan berkesan dalam kehidupan penanam-penanam padi itu. Memang benar beberapa kejayaan dalam bidang ini telah diperolehi, misalnya penambahan hasil padi dan penggunaan jentera yang lebih luas dalam perusahaan penanaman padi tetapi sejauh mana pelaburan ini berjaya mengurangkan kemiskinan penanam-penanam padi adalah meragukan.

Saya berpendapat bahawa pelaburan yang besar yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam sektor pertanian untuk penanam-penanam padi tanpa mempunyai matlamat mengubah struktur penanaman padi dan mengatasi punca-punca sebenar kemiskinan di kalangan penanam-penanam padi dan mengatasi saiz tanah yang kurang maka pelaburan itu tidak berjaya mencapai matlamat menghapuskan kemiskinan di kalangan mereka. Kerajaan juga telah membuat pelaburan yang besar untuk mengatasi kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah dan lain-lain. Ini kita akui, usaha-usaha ini boleh dikatakan tertumpu kepada dua rancangan yang utama

iaitu pembangunan kawasan-kawasan yang sedia ada dan pembukaan tanah-tanah baru menerusi rancangan-ancangan tanah. Pembangunan di kawasan-kawasan sedia ada telah melibatkan agensi-agensi Kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan lain-lain. Menerusi agensi-agensi ini Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar yang melibatkan wang awam yang banyak. Jika pelaburan yang besar ini tidak mencapai matlamatnya sudah tentulah rakyat akan menanggung kerugian yang besar dan negara tidak dapat menyediakan suasana yang adil yang menjadi asas utama keutuhan dan keteguhannya.

Saya ingin menyentuh tentang peranan RISDA sebagai agensi untuk pembangunan di kawasan-kawasan yang sedia ada bagi menghapuskan kemiskinan. Mengikut keterangan yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Keempat, seluas 302,900 hektar getah telah ditanam semula dalam tempoh 10 tahun yang lalu oleh RISDA, Lembaga Tabung Getah Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak berbanding dengan matlamat seluas 393,000 hektar. Boleh dikatakan bahawa agensi-agensi ini telah berjaya dalam usaha menanam semula getah untuk menambahkan penghasilan, tetapi apa yang mendukacitakan kejayaan itu tidak sangat memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil getah yang miskin, kerana sebahagian besar daripada rancangan ini dimanfaatkan oleh pemilik kebun yang besar dan penglibatan pekebun-pekebun kecil dalam rancangan itu berkurangan daripada 34,500 hektar setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua kepada 21,000 hektar setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Dengan keterangan di atas adalah jelas peranan RISDA untuk mengatasi kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil tidak berjaya mencapai matlamatnya, malahan saya tidak yakin pekebun-pekebun kecil yang menanam semula getah dapat disenaraikan di dalam golongan yang telah bebas daripada kemiskinan. Ini ialah kerana pendapatan yang bertambah daripada kebun mereka yang kecil tidaklah begitu banyak sehingga dapat dianggap kemiskinan mereka berjaya dihapuskan. Masalahnya kembali kepada saiz

kebun mereka yang kecil kerana saiz tanah yang terhad.

Satu lagi rancangan yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang penting ialah pembukaan tanah-tanah baru menerusi rancangan-ancangan tanah yang telah dijalankan oleh FELDA, FELCRA, RISDA dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam masa 10 tahun yang lalu Kerajaan telah membuka tanah seluas 746,011 hektar dan sektor swasta pula serta menerusi usahasama dengan berbagai-bagai agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan telah membangunkan tanah seluas 120,047 hektar menjadikan jumlah semuanya 896,058 hektar. Dengan pelaksanaan rancangan pembukaan tanah ini Kerajaan telah berjaya menempatkan 68,088 keluarga tidak termasuk lagi 4,100 belia yang ditempatkan di bawah skim pembukaan tanah untuk belia-belia. Pendapatan meneroka di skim ini mengikut keterangan daripada Kerajaan adalah di antara \$3,600-\$6,600 setahun atau di antara \$300-\$550 sebulan satu kadar yang dapat dianggap sebagai telah bebas daripada kemiskinan. Ini bermakna bahawa kejayaan pembasmian kemiskinan sebanyak 7.6% daripada kadar kemiskinan tertumpu kepada rancangan-ancangan tanah yang menunjukkan bagaimana pentingnya satu reformasi tanah yang menyeluruh perlu dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan.

Kenyataan ini juga mendedahkan kegagalan rancangan-ancangan pembasmian kemiskinan yang lain seperti pemberian subsidi baja, bantuan benih buah-buahan seperti limau, mempelam dan lain-lain kerana rancangan-ancangan ini tidak menyentuh asas jadi punca utama kemiskinan iaitu masalah tanah. Rancangan-ancangan seperti ini tidak banyak membawa faedah kepada golongan miskin untuk mengubah keadaan hidup mereka dan lebih merupakan pembaziran kerana banyak berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dengan menjadikan bantuan-bantuan itu sebagai umpan politik dan penyelewengan-penyelewengan yang lain yang melibatkan berbagai-bagai pihak termasuk orang-orang politik, pegawai-pegawai dan juga rakyat sendiri.

Sekarang mari kita kaji berapa banyak wang awam yang dikeluarkan untuk mencapai 7.6% kejayaan membasmi kemiskinan itu. Apakah perbelanjaan yang dikeluarkan itu sepadan dengan kejayaan yang dicapai dan sekiranya perbelanjaan itu tidak sepadan dengan kejayaan ke manakah perginya perbelanjaan itu dan untuk faedah siapa? Sekiranya kejayaan yang diperolehi itu merupakan kejayaan hasil daripada rancangan pembukaan tanah seperti yang dinyatakan oleh data-data yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Ini menunjukkan wang awam yang dikeluarkan untuk rancangan-rancangan lain yang diatur bagi membasmi kemiskinan hilang begitu sahaja dan tidak bersua dengan matlamat dan tujuannya atau ia tidak pergi ke sasaran yang ditetapkan.

Dalam masa 10 tahun yang lalu Kerajaan telah membelanjakan \$18,527 juta untuk sektor ekonomi iaitu kira-kira 53% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Jumlah yang begitu besar hanya menghasilkan kejayaan pembasmian yang terbatas dengan keterangan angka yang meragukan daripada angka-angka yang disebutkan tadi.

Kerajaan juga telah membelanjakan sebanyak \$3,732.8 juta untuk rancangan-rancangan tanah iaitu lebih kurang separuh daripada peruntukan pertanian dan pembangunan luar bandar yang berjumlah \$6,466 juta. Ini bermakna hanya sebahagian kecil sahaja daripada perbelanjaan ekonomi yang berjumlah \$18,577 juta atau 53% daripada perbelanjaan pembangunan yang dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan. Setelah ditolak perbelanjaan untuk program sosial sebanyak \$4,922 juta ternyata juga bahawa kadar tumpuan ke arah pembasmian kemiskinan secara berkesan masih lagi tidak memuaskan dalam peruntukan di bidang ekonomi. Hanya kira-kira 34.3% sahaja daripada perbelanjaan tersebut yang memberi kesan yang nyata kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan. Kadar ini tentulah tidak memuaskan jika dibandingkan dengan hasrat yang berkubar-kubar untuk membasmi kemiskinan rakyat terutama rakyat di luar bandar.

Walaupun peruntukan yang selebihnya dibelanja untuk berbagai-bagai projek pembangunan dan untuk pelaburan Kerajaan dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi untuk menyusun semula masyarakat dan mengimbangkan kedudukan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada namun pelaburan yang besar ini tidak menunjukkan kejayaan yang sewajarnya. Sebaliknya yang kaya seperti mana yang saya katakan tadi makin bertambah kaya dan yang miskin pula terumbang ambing dalam samudera persaingan dan keganasan sistem ekonomi bebas serta menjadi mangsa kepada slogan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa menyekat mana-mana pihak dan menyentuh kebebasan mereka mencari keuntungan. Slogan yang sama dengan memelihara ikan di kolam biar gemuk dan membiak tanpa menyentuh kebebasan memerang untuk bergerak bebas mencari makan. Jika ia menangkap ikan itu adalah haknya kerana dasar yang kelihatan baik hati tetapi lemah ini menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada semakin bertambah subur dan meningkat kepada peringkat bahaya dan ketidakadilan sosial yang dideritai oleh masyarakat makin bertambah ketara.

Kekayaan negara berada di kalangan segelintir memberang yang kenyang dan merekalah yang mempunyai kuasa mengawal kekayaan negara sudah tentu menjejaskan kehidupan majoriti rakyat. Peluang untuk majoriti rakyat menikmati kemewahan negara bertambah sempit dengan perkembangan yang terus memberikan peluang kepada yang kuat untuk menguatkan kedudukan dan yang lemah tetap juga mengejar bayang-bayang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang hendak saya bincangkan dalam perbahasan ini ialah masalah harga yang dibayar untuk mendapatkan kejayaan yang terhad dalam usaha menghapuskan kemiskinan. Jika kita mengambil perbelanjaan yang dikeluarkan menerusi FELDA sebagai asas kepada kita dapati sehingga tahun 1979 FELDA telah membelanjakan \$2,340,190,018 untuk memajukan kawasan seluas 1,186,187 ekar bagi menempatkan 57,728 keluarga. Ini bermakna bagi setiap keluarga FELDA mengeluarkan biaya kira-kira \$40,538 yang

merupakan kadar yang tinggi bagi satu usaha penempatan seperti yang terdapat dalam rancangan FELDA. Ini belum dikira beban pentadbiran yang terus meningkat dari setahun ke setahun bagi menguruskan hal peneroka yang berjumlah 57,728 keluarga itu.

Sehingga tahun 1979, jumlah kakitangan FELDA telah meningkat ke angka 13,907 orang. Peningkatan perbelanjaan mengurus rancangan-rancangan tanah ini begitu tinggi sekali seperti yang dapat kita saksikan daripada contoh yang dibelanjakan oleh FELDA. Pada tahun 1976 perbelanjaan mengurus yang dikeluarkan oleh FELDA ialah \$6,458 juta. Pada tahun 1977 perbelanjaan itu meningkat kepada \$9,427 juta. Jika kita jumlahkan perbelanjaan mengurus semua agensi-agensi yang terlibat di dalam pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA, RISDA, KETENGAH dan lain-lain tentulah kita dapat melihat suatu angka yang mahal yang tidak menasabah untuk mengendalikan pengurusan 1,186,187 ekar tanah dan 57,728 keluarga.

Perbelanjaan Mengurus oleh FELCRA untuk menguruskan 16,600 keluarga dan 4,100 orang belia sahaja dalam tahun 1977 hampir menyamai perbelanjaan mentadbir negeri Perlis dalam tahun yang sama yang berjumlah lebih kurang \$11 juta sahaja.

Saya membangkitkan perkara ini bukanlah hendak mempersoalkan berapa banyak wang yang dikeluarkan untuk menghapuskan kemiskinan, tetapi hendak mempersoalkan di sini mengapa wang yang banyak dikeluarkan tidak sepadan dengan kejayaan yang dicapai. Sepatutnya lebih tinggi lagi kadar kecapaian yang dapat diperolehi daripada usaha-usaha dan perbelanjaan yang dikeluarkan. Adakah keadaan yang tidak seimbang antara perbelanjaan dan pencapaian ini disebabkan oleh pentadbiran dan penyelewengan atau sebagainya? Walau apapun sebabnya maka kajian-kajian yang menyeluruh hendaklah dilakukan bagi mengatasi sebab-sebab yang sebenarnya untuk diatasi.

Di sini saya suka menimbulkan satu perkara yang mungkin menjadi salah satu sebab wujudnya keadaan yang tidak sepadan antara perbelanjaan dengan pencapaian dalam

bidang pembangunan tanah untuk membasmi kemiskinan. Perkara ini adalah wujudnya berbagai-bagai agensi untuk melaksanakan tugas-tugas yang serupa iaitu pembangunan tanah, agensi-agensi ini mempunyai kebebasan masing-masing dalam menjalankan tugasnya sehingga berbagai-bagai agensi ini menjalankan kerja-kerja yang bertindan yang mengakibatkan berlakunya kepincangan yang meningkatkan kos pentadbiran dan juga kos pembangunan. Kerja-kerja yang berkaitan dengan pembangunan tanah serta diselaraskan dengan adanya berbagai-bagai agensi-agensi yang memainkan peranan yang serupa. Saya berpendapat bahawa pembangunan tanah ini memerlukan penyelarasan dasar pengurusan dan juga perancangan atau perancangan yang lebih teratur dan tersusun bagi meliputi-gandakan lagi usaha membangunkan tanah-tanah dan membuka jalan ke arah reformasi tanah dalam ertikata yang sebenarnya.

Entahlah sekiranya berbagai-bagai agensi ini ditubuhkan untuk memberi ganjaran politik kepada orang-orang politik dan membuka peluang kepada mereka menjadi Pengerusi atau Pengarah kepada perbadanan itu dan ini. Sekiranya inilah yang menjadi tujuannya bermaknalah wang rakyat telah disalahgunakan untuk kepentingan dan ganjaran orang-orang politik semata-mata. Sekiranya tujuan jahat ini tidak ada, mengapa pula diwujudkan berbagai-bagai agensi untuk menjalankan tugas yang serupa dan bertindan, sedangkan penubuhan dan pengendalian agensi-agensi ini melibatkan perbelanjaan wang awam yang begitu besar.

Selain daripada mahalunya perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk memperolehi kejayaan yang terhad dalam usaha membasmi kemiskinan menerusi rancangan tanah, saya juga ingin menarik perhatian kepada kelemahan-kelemahan dalam rancangan-rancangan tanah sejauh yang berkaitan dengan nasib para peneroka di tanah-tanah rancangan. Kerajaan hendaklah menentukan kedudukan mereka yang sebenarnya. Adakah taraf mereka sebagai penumpang atau sebagai kadet latihan atau mereka mempunyai hak ke atas tanah-tanah yang mereka usahakan sama ada dalam

bentuk saham atau sebagainya tanpa menjelaskan kedudukan peneroka-peneroka ini. Mereka terus menerus menjadi buruh yang diperas tenaga mereka dan terbelenggu dengan ancaman oleh kader-kader parti pemerintahan dari menjalankan kewajiban mereka sebagai warganegara yang bebas dan menggunakan hak dan kebebasan mereka termasuk menganggotai mana-mana parti politik yang mereka sukai. Jika keadaan sekarang ini terus dipertahankan bermaknalah bahawa harga yang perlu dibayar untuk membebaskan rakyat daripada kemiskinan itu terlalu tinggi selain daripada jumlah wang awam yang sungguh besar, peneroka-peneroka pula terpaksa mengorbankan hak-hak asasi mereka sebagai warganegara dan kebebasan menentukan sikap mereka dalam menghadapi sesuatu masalah negara tanpa menerima ancaman daripada kader-kader parti pemerintah yang menggunakan kuasa mereka memaksa para peneroka supaya menyetujui apa yang dikehendaki oleh pemerintah. Peneroka-peneroka juga terpaksa mengorbankan naluri ingin memiliki kerana tertakluk kepada sistem rancangan tanah yang tidak memberi jaminan bahawa mereka mempunyai hakmilik ke atas tanah-tanah yang mereka turut mengusahakannya. Ditinjau dari aspek ini rancangan-rancangan tanah Kerajaan mengandungi kelemahan-kelemahan prinsip yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, menurut angka yang telah diberi oleh Kerajaan kadar kemiskinan dalam sektor pertanian telah berkurang daripada 68.3% dalam tahun 1970 kepada 46.1% dalam tahun 1980, iaitu kekurangan kira-kira 22.2% dalam masa 10 tahun. Pada keseluruhannya kemiskinan di luar bandar mengikut angka yang diberikan oleh Kerajaan telah dikurangkan sebanyak 21%. Kebenaran angka yang diberi oleh Kerajaan ini sebenarnya masih diragukan memandangkan Kerajaan tidak memberi satu ukuran tertentu yang dapat menyakinkan kita bahawa kekurangan ataupun kejayaan itu sebenarnya dicapai. Lagipun banyak perkara perlu dipertimbangkan dalam menentukan kadar kemiskinan di luar bandar dan apakah berkurangnya kadar kemiskinan itu hasil daripada usaha Kerajaan atau merupakan kesan daripada penghijrahan penduduk yang

menyebabkan berkurangnya penduduk luar bandar yang memberi kesan kepada menentukan kadar yang diberi oleh Kerajaan. Dengan itu adalah jelas bahawa angka yang diberikan itu bukanlah suatu ukuran yang boleh diterima dengan mudah dan asas-asas yang lebih kukuh perlu dikemukakan oleh Kerajaan bagi membuktikan segala usahanya untuk membasmi kemiskinan mencapai kejayaan yang memuaskan seimbang dengan kegunaan wang awam dan slogan-slogan yang dikemukakan kepada masyarakat. Angka-angka mengenai kejayaan dalam usaha membasmi kemiskinan ini makin meragukan lagi dengan melihat kepada perkembangan yang tidak sihat dalam pembahagian kekayaan negara. Keadaan tidak seimbang di antara golongan berada dan tidak berada kian membesar dengan berkembangnya pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan ketidak seimbangan ekonomi ini sebenarnya mencapai kepada peringkat yang membimbangkan.

Menurut data yang telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Keempat keluaran dalam negeri kasar dalam tempoh 1970 sampai 1980 telah mencatatkan pertambahan sebanyak 7.8% setahun. Dalam jangka waktu 10 tahun itu 29.2% isi keluarga berada di bawah garis kemiskinan pada tahun 1980. Walaupun kita menjangka sekiranya asas-asas yang lebih teliti dan munasabah digunakan, kadar kemiskinan lebih tinggi lagi daripada yang dinyatakan. Bagaimanapun, daripada data yang telah diberikan mengenai pendapatan penduduk dan angka kemiskinan menunjukkan bahawa ketidakseimbangan antara yang berada dengan yang tidak berada amat ketara sekali dan jurang yang memisahkan antara dua golongan ini makin bertambah jauh. Keadaan ini amat ketara sekali sekiranya kita mengkaji kedudukan ekonomi negara dari segi pemilihan kekayaan negara.

Kajian mengenai hakmilik harta dapat dibuat menerusi kajian ke atas pemilikan saham-saham dalam sektor syarikat-syarikat yang terlibat dalam berbagai-bagai aktiviti pengeluaran dan kegiatan ekonomi keseluruhannya. Menurut data yang telah diberikan oleh Kerajaan jumlah modal saham syarikat-syarikat Malaysia dan cawangan

syarikat-syarikat asing berkembang dengan pesatnya iaitu pada kadar 16.7% setahun dari \$6.6 ribu juta dalam tahun 1971 kepada \$26.3 ribu juta dalam tahun 1980, tetapi ke arah manakah trend perkembangan ini berlaku. Adakah ia menuju kepada pembahagian yang saksama atau terkumpul di kalangan segelintir manusia sahaja. Data yang diberikan itu menunjukkan bahawa pemilihan modal-modal saham makin bertambah meningkat menjadi bentuk penguasaan kekayaan yang penting dalam ekonomi Malaysia.

Kalau dalam tahun 1975 nilai-nilai saham dalam semua syarikat-syarikat berhad di Malaysia yang merupakan 76% daripada keluaran dalam negeri kasar, maka dalam tahun 1980 kadar itu telah meningkat dengan banyaknya daripada harga nilai modal saham yang berjumlah 9,890 juta pada tahun 1975 kepada 26.3 ribu pada tahun 1980.

Apabila kita mengkaji mengenai tumpuan kekayaan dalam ekonomi Malaysia didapati ia berlaku dalam dua bentuk. Pertama, segelintir perbadanan-perbadanan raksaksa memiliki dan menguasai kadar yang sungguh tidak munasabah daripada modal fizikal kewangan dan juga manusia. Kedua, dalam perbadanan yang besar ini hanya segelintir individu atau kumpulan individu memiliki dan menguasai saham-sahamnya bahkan bilangan yang lebih kecil lagi menduduki tempat-tempat penting dalam perbadanan-perbadanan ini yang membolehkan mereka berkuasa ke atas perbadanan-perbadanan tersebut yang sudah tentu dapat pula menguasai ekonomi negara kita. Penguasaan segelintir individu ke atas ekonomi negara akan dapat mencurahkan pula keputusan-keputusan politik yang tertentu memandangkan pengaruh kuat penguasaan ekonomi dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem yang terdapat di Malaysia sekarang ini.

Menurut satu kajian yang dibuat ke atas beberapa perbadanan raksaksa dalam beberapa waktu yang lalu menunjukkan 77 syarikat terbesar daripada 7,009 buah syarikat berhad memiliki 33.5% jumlah asset dan juga 21.8% sebagai fixed assets serta mengaut 29.7% daripada keuntungan bersih dari keuntungan-keuntungan yang didapati oleh

7,009 buah syarikat-syarikat berhad itu. Kenyataan ini dengan jelas menunjukkan ketidak seimbangan di dalam pemilikan dan penguasaan kekayaan negara kita. Apakah faktor-faktor ini masih membenarkan untuk kita berkata bahawa yang kaya bertambah kaya dan yang miskin papa kedana.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengkaji seterusnya syarikat-syarikat yang memiliki kekayaan ini maka ia dapat dibahagikan hanya kepada lebih kurang 8 klik syarikat-syarikat dan dikuasai oleh hanya segelintir orang yang mempunyai banyak kepentingan di dalam syarikat-syarikat ini. Di antara klik-klik itu ialah seperti OCBC dan Sime Darby serta Kuok Brothers dan beberapa klik yang lain yang sebenarnya menguasai sebahagian besar daripada kekayaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan meningkatkan milik harta bumiputra kepada 12.4% sepertimana yang dikatakan oleh Kerajaan tidak bermakna bahawa penyusunan semula itu mendatangkan faedah kepada majoriti rakyat tetapi hanya memasukkan senarai baharu kepada segelintir manusia di kalangan golongan-golongan kaya yang mendapat faedah terbesar daripada perkembangan ekonomi negara. Saya ingin mengingatkan Kerajaan tentang bahaya kedudukan ini dan kemungkinan adanya gerakan daripada golongan yang segelintir ini iaitu orang-orang kaya yang terus mahu mempertahankan kedudukan mereka sebagai golongan yang kuat dan menjalankan konspirasi berasaskan perkauman untuk mengekalkan kuasa ekonomi mereka. Mereka nampaknya kalau dilihat dan dianalisa sedang menggunakan parti-parti politik tertentu di dalam Barisan Nasional untuk menjadi front politik mereka bagi memberi kesan yang lebih daripada tindakan-tindakan ini dilihat sebelah mata sahaja sudah tentu rancangan-rancangan dan usaha-usaha untuk mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat kita akan gagal. Mereka dari golongan-golongan ini sudah tentu ingin meneruskan penguasaan mereka ke atas kekayaan negara, dan menjadi golongan yang begitu berpengaruh sekali. Saya ingin mengingatkan bahawa memerang-memerang

ini tidak akan mengubah tabiat mereka dan tidak akan menjadikan mereka itu sayang kepada ikan-ikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan tentang pentingnya keadaan-keadaan ini disegerakan untuk disusun semula dan tindakan-tindakan tegas hendaklah diambil bagi mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat kita yang merupakan faktor yang sangat penting dan utama bagi mencapai keamanan dan juga perpaduan negara. Golongan-golongan yang sedikit ini saya nampak sedang mempengaruhi golongan-golongan majoriti daripada kaum yang tertentu dengan mengasaskan pendapat-pendapat mereka kepada kepentingan kaum tetapi sebenarnya mereka bukanlah golongan yang dapat memberi manfaat kepada golongan yang terbesar daripada kalangan kaum itu juga, yang penting bagi mereka ialah mengekalkan kedudukan mereka semata-mata. Dan golongan terbanyak dari kaum yang tertentu ini sebenarnya digunakan oleh mereka untuk menjadi kuasa pengimbang dan sebagai kuasa untuk menuntut hak-hak dan mengekalkan kedudukan mereka yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita hendak mengekalkan ataupun kalaulah kita memang hendak menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang aman dan bersatu padu, saya menegaskan lagi bahawa asasnya yang utama ialah mewujudkan keadilan sosial di kalangan masyarakat ini dengan mewujudkan satu keamanan yang benar-benar dirasakan adil dan bukannya sebagai slogan-slogan semata-mata. Walaupun saya menekankan tentang keadilan sebagai asas untuk mewujudkan keamanan dalam negara kita tetapi saya juga berpendapat bahawa kita juga perlu menyediakan kekuatan-kekuatan ketenteraan untuk mempertahankan masyarakat dan negara kita daripada serangan-serangan luar. Dan dengan sebab itu saya bersetuju dan mengalu-alukan peruntukan yang besar yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk menguatkan angkatan tentera kita sama ada kita benar-benar akan berhadapan dengan ancaman daripada Vietnam atau tidak tetapi sebagai sebuah negara kita adalah berkewajipan untuk bersiap sedia bagi menghadapi apa-apa juga ancaman dan dari

mana juga di dalam keadaan dunia yang bergolak sekarang ini. Jika sekiranya kita tidak bersiap sedia bagi menghadapi apa juga kemungkinan, maka itu adalah satu kesilapan yang besar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada lagi perkara-perkara yang akan saya sentuh di dalam berbagai-bagai bidang berasaskan kepada cadangan daripada Menteri Kewangan mengenai Belanjawan Negara, tetapi saya rasa hanya cukup sekadar ini kerana mungkin saya akan bangkitkan di dalam peringkat Jawatankuasa. Dan supaya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai dasar-dasar Kerajaan, maka hanya sekianlah sahaja pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.31 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan Belanjawan 1982 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lalu.

Belanjawan 1982 adalah suatu belanjawan yang di luar dugaan kebanyakan rakyat negara ini oleh kerana ramai orang telah meramalkan bahawa memandangkan kedudukan ekonomi dunia yang tidak menyenangkan maka Kerajaan kita akan mengenakan berbagai-bagai cukai untuk mengimbangi kedudukan pendapatan negara yang tidak memuaskan, akan tetapi sebaliknya bahawa Belanjawan 1982 bukan sahaja tidak mengenakan sebarang cukai baru akan tetapi telah mengurangkan dan menghapuskan setengah daripada duti cukai tokok dan sebagainya ke atas beberapa barangan. Tambahan pula memandangkan tujuan pokok strategi Belanjawan itu ialah untuk meningkatkan lagi pertumbuhan dan bekalan dan membendung kenaikan harga, terutama sekali barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang

digunakan oleh golongan miskin dan yang berpendapatan rendah dan juga akan membantu mewujudkan keupayaan daya pengeluaran di bidang-bidang yang mustahak supaya menambahkan lagi pendapatan dan peluang pekerjaan, terutama sekali bagi mereka yang bekerja di sektor-sektor yang tersebut itu. Apatah lagi dengan pengakuan pihak Kerajaan, iaitu walaupun ekonomi kita sedang menempuh kesulitan tetapi Kerajaan berikrar akan menggunakan segala kuasa yang ada padanya untuk menjamin supaya ekonomi Malaysia terus berkembang untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Maka dengan sebab itu semua peringkat rakyat Malaysia yang bertanggungjawab adalah menyambut baik Belanjawan 1982 ini dengan perasaan penuh puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Perkara yang pertama ialah berhubung dengan pelajaran. Sebanyak \$3,256 juta di bawah Anggaran Belanja Mengurus dan \$1,078 juta di bawah peruntukan Pembangunan adalah diperuntukan bagi pelajaran. Sebahagian besar daripada peruntukan Pembangunan adalah untuk pembesaran 20,819 buah bilik darjah, 29 buah Sekolah Menengah Vokasional, 385 buah rumah guru di kawasan luar bandar, 38 buah asrama untuk menggalakkan murid-murid dan pelajar-pelajar golongan miskin menikmati peluang dan faedah dari Dasar Pelajaran Kerajaan. Peruntukan sebanyak \$45 juta disediakan bagi Program Makanan Tambahan untuk faedah kira-kira 850,000 orang murid dan \$59 juta untuk subsidi makanan kepada 129,000 penghuni asrama, \$30 juta pula untuk Skim Pinjaman Buku Teks untuk faedah 2,000,683 orang murid.

Di dalam memperkatakan Sekolah Menengah Vokasional ini saya ingin mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran oleh kerana pada dasarnya telah meluluskan sebuah Sekolah Menengah Vokasional yang akan didirikan di Daerah Kuala Kangsar dan tapak yang dicadangkan itu ialah di Padang Rengas di dalam Kawasan Parlimen saya. Apa yang berbangkit setakat ini iaitu di peringkat

Daerah ialah berhubung dengan tempat yang dicadangkan itu oleh kerana seolah-olah telah menjadi rebutan oleh kerana pihak Kementerian Kesihatan berkehendakkan kawasan itu untuk membesarkan pusat kesihatan yang sedia ada di situ, pihak Polis pula berkehendak untuk dijadikan pusat Unit Kawalan Keselamatan dan berhampiran dengannya juga, iaitu Sekolah Menengah Tun Perak yang sedang ada ini sedang memperbesarkan lagi bangunan dan kawasannya dan tambahan pula tidak berapa lama lagi kemungkinan sebuah kilang simen yang terbesar akan didirikan berhampiran di situ. Jadi ini akan menimbulkan masalah berhubung dengan tapak Sekolah Menengah Vokasional itu. Oleh yang demikian pihak-pihak yang tertentu di peringkat Daerah dan penduduk-penduduk di Kawasan Parlimen Padang Rengas jika masalah tapak ini timbul mereka mencadangkan pula supaya Sekolah Menengah Vokasional itu dapat didirikan di Jalan Kuala Kangsar/Lenggong, iaitu di kawasan antara Pekan Kati dengan Sauk oleh kerana di kawasan ini boleh didapati tanah yang lebih sesuai dan telah sedia dirancangan oleh pihak-pihak di Daerah. Tambahan pula memandangkan di sini belum lagi pesat membangun dan berdekatan pula dengan Empangan Chenderoh yang boleh menampung pelajar-pelajar bukan sahaja di Daerah Kuala Kangsar dan Utara Perak tetapi terutama sekali dari Daerah Ulu Perak seperti Lenggong, Gerik dan Keroh yang belum lagi ada Sekolah Menengah Vokasional yang berhampiran dengannya, tidak sebagaimana Padang Rengas hari ini yang berhampiran dengan pusat pelajaran, iaitu 10 batu daripada Kuala Kangsar dan 12 batu sahaja dari Taiping.

Berhubung dengan masalah rumah-rumah guru di luar bandar, sebagaimana kita semua maklum kebiasaannya pihak Kementerian Pelajaran telah mendirikan rumah-rumah guru di tiap-tiap sekolah di luar bandar satu atau dua buah di kampung-kampung seperti itu, akan tetapi ada rumah-rumah guru tersebut tidak dapat didiami oleh guru oleh sebab tidak ada kemudahan asas di kampung-kampung tersebut yang menjadikan mereka terpaksa berulang sedangkan masalah kekurangan rumah guru di pekan-pekan kecil adalah satu masalah yang besar.

Saya suka memberi contoh, Tuan Yang di-Pertua, umpamanya di kawasan saya di Daerah Kecil Lenggong, sebuah sekolah menengah sahaja iaitu Sekolah Menengah Datuk Ahmad, Lenggong yang guru-gurunya ada 92 orang lebih, tidak termasuk kakitangan dan pekerja-pekerja sekolah, hanya ada 3 buah rumah guru. Sekolah menengah baru yang berhampiran yang ada gurunya lebih daripada 20 orang tidak ada sebuah rumah guru dan 13 buah sekolah-sekolah sekelilingnya semuanya guru-guru adalah berkumpul tinggal di kawasan bandar kecil ini. Maka bagi mengatasi masalah ini adalah dicadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran mendirikan rumah-rumah guru di pekan-pekan kecil secara berkelompok, sama ada berbentuk rumah teres atau rumah-rumah pangsa supaya semua guru-guru yang berkhidmat di kawasan bandar kecil seperti Daerah Kecil Lenggong ini atau di kampung-kampung yang sekelilingnya dapat tinggal bersama-sama dengan tidak payah lagi pihak Kementerian Pelajaran mendirikan rumah guru di kampung-kampung yang masih belum ada kemudahan asas seperti elektrik, bekalan air paip dan sebagainya yang tidak mungkin guru-guru akan dapat tinggal di rumah-rumah guru di kampung-kampung yang tersebut.

Menyentuh Rancangan Makanan Tambahan yang sangat popular di kalangan masyarakat luar bandar ini saya suka menyatakan perasaan terima kasih di atas pandangan pihak Kerajaan, terutama sekali Kementerian Pelajaran yang telah mengambil ingatan di atas teguran-teguran yang telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu supaya menaikkan bantuan 20 sen kepada seorang murid itu kepada kadar yang lebih sesuai lagi. Rancangan Bantuan Makanan Tambahan ini sesungguhnya satu rancangan yang amat manfaat kerana sekurang-kurangnya akan memberi peluang kepada kanak-kanak miskin yang tinggal di kampung-kampung di luar bandar yang jarang-jarang atau tidak pernah memakan makanan yang seimbang seperti daging, telur dan sebagainya secara teratur.

Dengan adanya rancangan ini dapatlah peluang mereka menikmati. Maka hasil daripada rancangan ini telah ketara kepada

kita semua akan faedahnya, akan tetapi sungguhpun rancangan ini suatu rancangan yang sangat manfaat, baik dan mendapat sambutan akan tetapi ia adalah menjadi salah satu pula daripada perkara yang memeningkan kepala guru besar, guru-guru, Jawatankuasa Persatuan Ibubapa dan guru-guru sekolah yang berkenaan oleh kerana beberapa sebab seperti berikut.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan sekolah-sekolah yang dipilih untuk mendapat Rancangan Makanan Tambahan ini tidak semua murid-murid sekolah itu dipilih dan ini adalah menimbulkan masalah untuk memilih murid-murid yang layak. Pada pandangan ibubapa di kampung-kampung terutamanya bahawa anak-anak mereka semuanya layak menerima makanan tambahan itu kerana semua mereka adalah miskin. Ini boleh menimbulkan perasaan ketegangan di antara pihak sekolah dengan pihak ibubapa.

Pihak kantin sekolah pula adalah menimbulkan masalah iaitu mereka tidak dapat menyediakan makanan oleh kerana murid-murid yang layak makan di kantin alang kepalang untuk menyediakan makanan iaitu murid-murid yang baki yang tidak menerima makanan tambahan ini.

Yang paling berat sekali ialah masalah untuk menyediakan makanan yang dikehendaki mengikut jadual sebagaimana yang disediakan oleh pihak Kementerian. Oleh kerana perbelanjaan hari ini 25 sen bagi seorang murid itu tidak dapat menyediakan makanan yang dikehendaki itu. Sebagai contohnya saya beri ialah sebuah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Balai, Lenggong yang mana saya sendiri menjadi Pengerusi Lembaga Pengurusnya. Sekolah ini muridnya lebih sedikit 400 orang. Yang layak menerima makanan tambahan hanya 200 orang. Sehari perbelanjaan yang boleh dikeluarkan untuk 200 orang murid ini iaitu 25 sen adalah berjumlah \$50. Bahan-bahan makanan yang harus dibeli ialah yang pertama beras sekurang-kurangnya 5 gantang iaitu satu gantang untuk 40 orang murid; berharga \$18, daging satu kati untuk 40 orang, 5 kati, sekati \$6, berharga \$30, bahan-bahan rancah lain....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ucapan Yang Berhormat itu yang lebih layak dikatakan dalam sidang Jawatankuasa nanti sebab ini mengenai Dasar Am Pentadbiran.

**Tuan Umar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian bagi menyelesaikan Rancangan Makanan Tambahan yang sangat berfaedah ini adalah dicadangkan mana-mana sekolah yang terpilih hendaklah diberi kepada semua murid sekolah tersebut dan yang kedua, bantuan 25 sen itu hendaklah ditimbang semula oleh kerana memandangkan harga bahan-bahan makanan yang melambung hari ini adalah tidak sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Skim Pinjaman Buku Teks pula, saya hendak menyentuh dan memberi sedikit pandangan iaitu mengikut pengalaman saya di sekolah menengah dahulu memandangkan kesulitan untuk mendapatkan buku-buku teks di sekolah-sekolah, terutama sekali ibubapa yang tinggal di luar bandar yang mana mereka tidak mendapat Skim Pinjaman Buku Teks ini, hingga akhirnya mereka tidak dapat membeli buku oleh kerana tidak ada kedai yang menjualnya. Jadi, saya mencadangkan iaitu semua buku-buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks ini hendaklah disediakan kepada semua pelajar di sekolah. Mana-mana pelajar-pelajar yang tidak layak menerimanya hendaklah membayar sahaja di sekolah-sekolah yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi berhubung dengan untuk mengelaskan mana-mana murid yang layak adalah menjadi masalah kepada guru di sekolah yang tersebut oleh kerana kita hanya dapat menentukan pelajar-pelajar yang layak ialah kepada ibubapa yang makan gaji sahaja kerana ini adalah pengakuan daripada majikannya, tetapi pelajar-pelajar yang ibubapanya tidak ada pendapatan tetap sama ada mereka orang kaya dan sebagainya adalah berdasar pengakuan. Kalau mereka mengatakan \$200 maka kita terpaksa menerima pengakuan daripada sama ada Wakil Rakyat, Persatuan Ibubapa dan sebagainya. Jadi, ini menimbulkan perasaan yang tidak puas hati daripada pandangan masyarakat oleh kerana mereka mengatakan ada di antara mereka yang layak menerima bantuan ini adalah

mereka orang-orang yang lebih kaya daripada orang-orang yang tidak layak menerima buku ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya hendak menyentuh di dalam pelajaran ini ialah berhubung dengan pentadbiran sekolah-sekolah jenis C di luar bandar yang murid-muridnya kurang daripada 200 orang. Walaupun perkara ini pernah saya timbulkan dalam Dewan ini beberapa kali tetapi saya ingin menyentuh lagi sekali pada hari ini.

Sekolah seperti ini tidak layak menerima kerani, Budak Pejabat, Tukang Sapu dan sebagainya maka guru besarlah yang merangkap semua jawatan iaitu sebagai pentadbir, kerani, peon, guru kelas dan sebagainya. Walaupun pada zahirnya ini kecil akan tetapi fungsi dan tanggungjawab guru besar tidak kurang daripada tanggungjawab guru-guru besar sekolah A atau sekolah B yang ada berbagai-bagai kemudahan dan yang paling menyedihkan sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada seluruh Malaysia tetapi di dalam kawasan saya masih banyak lagi sekolah-sekolah jenis ini tidak dapat menyediakan mesin taip yang 20 inci untuk menaip pay-sheet bulanan, terpaksa meminjam dan sebagainya. Ini hendaklah mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran. Untuk mengatasi masalah ini saya mencadangkan supaya dua atau tiga buah sekolah-sekolah kecil yang demikian yang berhampiran hendaklah dicantumkan kerja-kerja pentadbirannya dengan diadakan seorang kerani secara bergilir-gilir atau sebagainya sebelum kita dapat mencantumkan keseluruhan sekolah itu sebagaimana yang pernah dicadangkan dahulu oleh pihak Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara pelajaran ini saya suka juga menyentuh iaitu tentang tugas guru-guru besar sekolah C ini. Adalah didapati di dalam kawasan saya, kawasan hulu, guru-guru besar sekolah-sekolah C ini tidak pernah ditukarkan dan yang menjadikan mereka lebih berat tanggungjawabnya tidak ada peluang untuk memberangsangkan supaya mereka bekerja lebih kuat. Jadi, saya mencadangkan supaya tiap-tiap lima tahun sekali mereka hendaklah diberi peluang bertukar ke mana-mana sekolah. Begitu juga dalam mengatasi hal ini

adalah saya mencadangkan guru-guru di sekolah-sekolah C ini supaya diberi peluang di dalam perlington untuk jawatan guru besar sekolah B atau sekolah A dengan cara yang lebih adil lagi, tidak sebagaimana yang dilakukan hari ini iaitu mana-mana guru yang berkelayakan dan yang ingin untuk menjawat jawatan guru besar sekolah B atau A yang kosong hendaklah diadakan temuduga atau diadakan suatu peperiksaan kepada mereka yang layak dan ingin sahaja, tidak sebagaimana hari ini cara yang dilakukan adalah boleh dianggap memilih orang-orang di sekeliling pinggang sahaja atau cara tangkap muat sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan keselamatan. Peruntukan sebanyak \$3,316 juta atau 19.2% kepada Perbelanjaan Mengurus adalah diperuntukkan kepada keselamatan yang meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri dan \$3,564 juta atau 24.4% dari Anggaran Pembangunan. Ini adalah dengan tujuan untuk memoden dan membesarkan angkatan tentera kita. Ianya diperlukan untuk memperkukuhkan keseluruhan program keselamatan dan pertahanan yang bertujuan untuk menjamin keselamatan dalam negeri dan meningkatkan persediaan kita terhadap ancaman dari luar.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kawasan Parlimen Padang Rengas pada suatu masa dahulu adalah menjadi suatu kawasan kegiatan jenayah komunis dan buat masa ini pihak Kerajaan sedang merancang pula beberapa projek-projek besar seperti projek kilang simen, ladang teh, projek-projek kecil seperti penempatan belia Majuikan dan lain-lain lagi di kawasan itu. Maka bagi menjamin keselamatan dan keyakinan kepada penanaman modal, saya merayu kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu supaya menyegerakan projek pembinaan tiga buah Kem Pasukan Unit Kawalan Keselamatan sebagaimana yang dicadangkan iaitu di Liman Kati, di Padang Rengas dan di Lenggong itu sebagaimana yang telah dirancangan hendaklah disejajarkan. Kepada Kementerian Pertahanan pula saya menyampaikan hasrat penduduk tempatan supaya rancangan untuk

mengadakan kem satu batalion angkatan tentera di antara pekan Lenggong dengan Ampangan Chenderoh itu hendaklah dilaksanakan segera sebagai pertahanan pelapis selepas daripada Grik dan Keroh memandangkan tempat ini adalah jalan melintas musuh dan juga yang pernah digunakan oleh angkatan tentera British dalam Perang Dunia Kedua dahulu melepaskan diri dari kawasan Chenderoh merentas jalan ke Sungai Siput dan terus ke Ipoh adalah melalui kawasan ini.

Apabila menyentuh angkatan tentera ini saya hendak menarik perhatian Kementerian Pertahanan berhubung dengan hal hak mengundi mereka di dalam pilihanraya dan juga keluarga-keluarga mereka yang tinggal di kem atau di rumah sewa dan juga mereka yang berkhidmat di hutan dan di sempadan. Mengikut apa yang telah berlaku di dalam beberapa kali pilihanraya iaitu beribu-ribu bilangan anggota Angkatan Tentera Wataniah yang dikerah berkhidmat untuk bertugas di sempadan atau mengawal tempat-tempat penting. Mereka itu tidak dapat mengundi oleh kerana mereka itu adalah berdaftar sebagai pengundi di kampung-kampung asal mereka iaitu sebagai pengundi biasa dan mereka tidak boleh mengundi melalui pos sebagai anggota tentera biasa dan untuk mengundi di kampung pula mereka tidak dapat diberi cuti pada hari mengundi. Jadi pihak Kementerian Pertahanan hendaklah dapat berikhtiar bersama-sama dengan Suruhanjaya Pilihanraya bagi mengatasi masalah yang telah berlaku ini. Ini saya beri adalah suatu contoh yang telah berlaku di kawasan saya. Kepada anggota tentera kita yang mengundi melalui pos pula sama ada yang sedang bertugas di hutan atau keluarga mereka yang tinggal di markas mereka adalah diketahui mereka itu tidak pernah diberi penerangan cara-cara mengundi, mustahaknya mereka mengundi, kepentingannya sebagai seorang warganegara yang menentukan kerajaan, siapa yang bertanding di kawasan mereka mengundi, mereka hanya mengetahui pada hari kertas undi diberi dan diminta memangkah sahaja. Dan dengan sebab itu adalah menjadi anggapan yang mengatakan bahawa anggota angkatan tentera yang menganggotai satu kumpulan yang terbesar

di negara ini telah tidak dapat menikmati hak mereka bagi menentukan pemerintahan negara dengan wajarnya. Bagi mengatasi hal ini adalah lagi sekali dicadangkan kepada pihak Kementerian Pertahanan dapat mencari jalan yang lebih wajar bersama-sama dengan Suruhanjaya Pilihanraya bagi membaiki keadaan ini.

Satu perkara lagi saya hendak menyentuh berhubung dengan latihan peralihan sebelum bersara. Adalah sesungguhnya bertuah angkatan tentera kita kerana mereka masih dikenang walaupun mereka akan bersara dan seterusnya bersara akan tetapi suatu yang tidak menyenangkan ialah latihan peralihan yang diberikan itu biasanya tidak dapat dipraktikkan selepas mereka bersara. Misalnya ada seseorang anggota tentera mengambil latihan peralihan dalam hal ehwal kereta motor, apabila mereka bersara tidak berjaya di dalam temuduga untuk jawatan penguji kereta motor di Jabatan Pengangkutan Jalan oleh kerana kelulusan akademik mereka adalah rendah. Akhirnya, mereka bekerja sebagai pemandu bas atau teksi dan sebagainya. Begitu juga mereka yang mengambil latihan peralihan di dalam perniagaan. Akhirnya menjadi jaja atau tukang kebun sahaja. Bagi mengenangkan jasa angkatan tentera kita yang bersara adalah dicadangkan supaya mereka itu seboleh-bolehnya hendaklah diresapkan ke jawatan awam ataupun kerja-kerja yang lebih dipandang mulia oleh masyarakat seperti jawatan perkeranian, ahli-ahli perniagaan kecil dan sebagainya. Jika keutamaan diberi sebagaimana hari ini kepada mereka dalam jawatan buruh, ini bukan sahaja seolah-olah merendahkan jasa khidmat mereka tetapi akan menjadi satu cabaran pula kepada pemohon pihak lain yang tidak mempunyai kelulusan yang baik. Selain daripada itu, saya hendak mencadangkan di sini bagi meninggikan lagi dan juga supaya menimbulkan perasaan kasih, cinta dan simpati orang ramai, rakyat di negara kita ini terhadap perkhidmatan pasukan keselamatan negara kita, supaya segala kegiatan mereka itu dapat dilihat oleh orang ramai, saya mencadangkan dan merayu supaya pihak TV Malaysia hendaklah mengadakan satu rancangan khas untuk pasukan khas untuk pasukan bersenjata kita seminggu sekali

dengan menayangkan gambar kegiatan angkatan tentera kita dan juga kegiatan kumpulan isteri-isteri mereka dan juga kegiatan bekas-bekas pasukan bersenjata.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan pembangunan luarbandar. Bagi Belanjawan 1982, Kerajaan telah memperuntukkan belanjawan yang sangat besar dalam berbagai bidang dan bentuk dengan tujuan untuk memperbaiki lagi kemajuan projek pembangunan di luarbandar. Umpamanya, sebanyak \$80 juta ialah untuk subsidi baja dan lain-lain input pertanian bagi menambahkan lagi hasil pertanian \$95 juta untuk penanaman semula getah termasuk \$38 juta untuk subsidi penanaman semula; untuk kemudahan infrastruktur di luar bandar pula sejumlah \$264 juta diperuntukkan bagi membina dan membaiki jalan luarbandar; \$190 juta lagi bagi bekalan letrik luar bandar; dan \$110 juta bagi bekalan air luarbandar dan dengan peruntukan ini Insya Allah penduduk luarbandar akan bertambah lagi dapat menikmati kemakmuran negara kita.

Dalam memperkatakan soal pembangunan luar bandar ini saya ingin sentuh sedikit-sebanyak di dalam kelemahan pelaksanaan racangan yang disusun dan hasil yang diperolehi daripada projek yang dilaksanakan itu. Walau bagaimanapun, rakyat tentulah menaruh harapan yang besar iaitu kepada Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji mengenai pelaksanaan yang telah mengambil langkah-langkah yang menyeluruh bagi menyelaraskan kaedah-kaedah pentadbiran dan bagi mempercepatkan lagi proses serta mempertingkatkan lagi kecergasan membuat keputusan untuk membantu mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam hendak mencapai kejayaan projek yang dilaksanakan di luar bandar selain daripada kesanggupan rakyat menyambut rancangan itu keupayaan dan kebolehan ketua-ketua jabatan Kerajaan yang mengendalikan projek itu adalah suatu faktor yang penting. Dalam hal ini pengalaman dan kebolehan ketua jabatan hendaklah diambil perhatian berat. Dengan sebab itu, menempatkan ketua-ketua jabatan di pejabat-pejabat di

luar bandar hendaklah diperhatikan dan diteliti dengan sewajarnya. Jikalau tidak, rakyat tidak akan menikmati hasil rancangan yang disusun oleh peringkat atas dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi contoh, di dalam kawasan saya meliputi dua daerah pentadbiran iaitu Daerah Kuala Kangsar dan Daerah Kecil Lenggong. Saya hendak memberi contoh mengenai Daerah Kecil Lenggong. Daerah Kecil ini walaupun kecil tetapi mengandungi berbagai jabatan Kerajaan akan tetapi masalah yang timbul selalunya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada disedari atau tidak seolah-olah menganggap bahawa Daerah Kecil itu tempat latihan pegawai baru keluar daripada latihan. Pegawai Daerah (1), orang baru, Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Pembangunan Luar Bandar orang baru Jurutera JKR orang baru, Penolong Pegawai Belia dan Sukan orang baru, Ketua Bomba orang baru, Ketua Polis orang baru. Jadi apabila semuanya orang baru mengetahui Daerah Kecil sama ada wajar atau tidak dipandang Daerah Kecil, sebagai tempat latihan, ini menimbulkan masalah di dalam kelicinan pentadbiran untuk melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan. Jadi, saya berharap kepada pihak Kerajaan sama ada pihak Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada Ketua Jabatan yang berkhidmat di Daerah Kecil ini supaya diberi kepada mereka bukan sahaja yang bersemangat tetapi mereka yang ada pengalaman oleh kerana kadangkala penolong-penolong mereka lebih berpengalaman lagi dan lebih lama berkhidmat, kadang-kadang tidak sesuai bekerja kerana dia terpaksa berketuakan kepada penolongnya. Jadi perkara yang demikianlah saya minta dapat perhatian.

Begitu juga di dalam urusan untuk mengambil balik tanah untuk tapak-tapak projek terlalu lama oleh kerana satu daripada sebabnya yang pernah dialami ialah misalnya fail permohonan berjalan dari satu pejabat ke satu pejabat. Untuk mengatasi hal ini, saya rasa lawatan bersama oleh Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan ke tempat projek itu hendaklah diamalkan supaya dapat

diputuskan serta-merta, tidaklah menunggu bertahun-tahun dan ini bukan sahaja projek itu lambat dibangunkan, tetapi peruntukan yang diperuntukkan pada asalnya tidak dapat dilaksanakan. Pegawai-pegawai dan orang-orang tempatan juga di dalam menentukan tapak projek hendaklah juga diambil perhatian yang berat, jika tidak apakala berlaku kesilapan bagi menentukan sesuatu tapak dan kedudukan orang-orang tempatanlah yang akan menerima akibatnya sehingga sampai ke masa-masa kebelakangan ini oleh kerana pegawai-pegawai yang berkenaan mungkin akan bertukar.

Dalam perkara ini suka saya meminta izin memberi contoh di dalam daerah kecil Lenggong juga ada beberapa projek yang telah dibangunkan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, akhirnya apabila siap menimbulkan masalah. Satu contoh, pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mendirikan kompleks rumah Balai Polis yang cantik dua lapis bangunan kediamannya dan sebagainya. Tetapi oleh kerana berkehendakkan supaya didirikan seberapa segera bangunan ini didirikan 10' di belakang tiang gol padang bola daerah. Jadi apakala siap maka timbullah ketegangan budak-budak yang bermain bola atau belia-belie yang bermain bola, apabila menendang bola itu terus bola itu masuk ke dalam rumah, kadang-kadang kena cermin—inilah masalah yang timbul. Jadi bila perkara yang demikian berlaku, apabila kita timbulkan di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah, ini JKR, ini Polis, ini Penolong Pegawai Daerah, jadi perkara ini berbangkit banyak sekali. Begitu juga Kementerian Kesihatan khasnya Jabatan Kesihatan telah mendirikan rumah-rumah kediaman di daerah Lenggong, rumahnya beradapkan bukit, belakang rumahnya beradapkan jalanraya. Apabila timbul masalah dan jika Menteri dan sebagainya melawat dan bertanya mengapa jadi demikian; jawapannya, tanya peringkat bawahan, tidak ada perundingan dengan kami—jadi daripada Menteri dengan Menteri sahaja. Perkara-perkara yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa akan menjadi sejarah kenangan kepada anak cucu kita, perkara-perkara yang berbangkit daripada hasil pelaksanaan kita yang tidak sempurna.

Dalam usaha untuk hendak meninggikan taraf hidup dan pendapatan penduduk luar bandar tidak siapa dapat menafikan bahawa Kerajaan kita telah berjaya dalam usaha-usahanya ini. Contohnya, di dalam kawasan saya sendiri pihak RISDA telah berjaya menubuhkan lebih daripada 68 buah pusat pembangunan pekebun kecil untuk menambahkan pendapatan pekebun-pekebun kecil dan juga dua buah mini estet yang tidak pernah didengar sebelum ini. Jabatan Perikanan telah berjaya memulihkan sawah-sawah terbiar beratus-ratus ekar dengan membina lebih 100 buah kolam ikan air tawar dan juga projek-projek ikan dalam sangkar yang diadakan di Tasek Cenderoh Jabatan Pertanian dan LPP pula telah berjaya menambahkan lagi tanaman-tanaman singkat masa. Kegigihan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan-jabatan yang tersebut dan sambutan daripada orang ramai dalam usaha Kerajaan yang sangat murni ini adalah sangat memuaskan.

Apa yang menimbulkan masalah Tuan Yang di-Pertua, ialah apakala segala projek-projek ekonomi ini mengeluarkan hasilnya, pasaran hasil pertanian yang saya sebutkan tadi adalah menimbulkan masalah. Oleh hal yang demikian sebelum rancangan-rancangan yang besar ini dirancangan saya berharap kepada Kerajaan khususnya Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya membuat kajian dan persediaan pemasaran hasil-hasil yang diusahakan itu dahulu. Ini bukan sahaja kita tidak mahu dipermainkan-mainkan oleh orang-orang tengah, akan tetapi yang paling ditakutkan sekali ialah matinya semangat orang-orang kampung yang telah dibakar oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang bertungkus-lumus itu dalam meyakinkan kebaikan sesuatu rancangan Kerajaan itu sia-sia sahaja.

Satu perkara lagi saya hendak menimbulkan dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini ialah peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK). Sungguhpun kuasa penuh JKKK ini adalah di bawah Kerajaan Negeri, akan tetapi Kerajaan Pusat eloklah menyelaraskan kegiatannya supaya lebih berkesan lagi oleh

kerana tujuan atau matlamat segala projek atau rancangan Kerajaan di kawasan luar bandar khususnya di kampung-kampung ialah untuk orang-orang kampung tersebut. Jadi saya mencadangkan supaya peranan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung ini hendaklah dipertingkatkan lagi dan diberi fahaman yang sebenar-benarnya apakah peranan mereka, bukan sahaja semata-mata untuk memintakan projek daripada Kerajaan dengan diadakan kursus-kursus yang lebih mendalam lagi bagi menggerakkan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK), ini adalah juga diharapkan pihak Kerajaan dapat membayar elaun kehadiran mesyuarat kepada tiap-tiap seorang ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung itu pada tiap-tiap bulan. Jika ahli-ahli yang hadir dalam mesyuarat-mesyuarat peringkat lebih atas pihak Kerajaan dapat membayar elaun, saya fikir tidak ada sebab mengapa kita tidak dapat membayar elaun kepada suatu Jawatankuasa yang paling penting di dalam hendak membangunkan penduduk-penduduk luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah berjaya menaikkan nama Kerajaan, nama orang-orang Islam di negara ini di mata dunia sama ada di dalam bidang ekonomi ataupun di dalam urusan menunaikan fardhu haji.

Baru-baru ini saya berkesempatan menunaikan fardhu haji, apa yang disebutkan selama ini bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu benar bagus, maka kebaikan Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu dapat saya saksikan dengan mata kepala saya sendiri akan kebenarannya, kerana mengikut penjelasan mereka di tanah suci Kerajaan Saudi Arabia sangat menghormati dan memuji-muji negara kita kerana di antara negara-negara Islam di dunia ini maka Malaysialah melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji dapat mengosongkan dan membereskan segala bayaran sewa bangunan kita sama ada di Madinah, Mekah, Mina dan lain-lain lagi.

Dalam tanggungjawab Lembaga Urusan dan Tabung Haji menguruskan Jemaah haji menunaikan fardhu haji tiap-tiap tahun, saya hendak menimbulkan beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama ialah berhubung dengan kursus kepada jemaah-jemaah haji kita sebelum menunaikan haji ke Mekah yang diadakan pada tahun ini adalah lebih baik kerana tempat kursus telah ditambah lagi lebih banyak, tiap-tiap daerah ditambah lagi, begitu juga hari kursus telah ditambahkan lagi, istimewa sekali pada tahun ini telah diadakan pula kursus seluruh negeri yang diadakan di peringkat negeri, akan tetapi hanya kepada bakal-bakal haji lelaki sahaja. Saya harap kepada bakal-bakal haji perempuan juga adalah diberi kursus sehari suntuk selama 8 jam iaitu untuk menyesuaikan lamanya penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Jeddah selama itulah kursus diadakan sehari. Saya telah dapat menghadiri beberapa kursus yang diadakan di beberapa tempat. Di sini saya hendak menimbulkan iaitu ada di antara penceramah-penceramah itu tidak ada pengalaman baru kerana mereka telah menunaikan fardhu haji lebih 10 tahun dahulu iaitu sebelum adanya Lembaga Urusan dan Tabung Haji, dengan sebab itu mereka tidak berjaya menyampaikan ceramahya dengan memuaskan.

Saya cadangkan supaya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengadakan dahulu kursus kepada penceramah-penceramah itu supaya dapat diseragamkan isi penceramahya dan dapat digunakan segala alat untuk praktikalnya, kerana setengah penceramah itu tidak dapat menggunakan langsung alat-alat yang disediakan oleh pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Yang kedua, sebelum bertolak dari Lapanganterbang Subang atau Bayan Lepas, pihak LUTH telah menyampaikan barang-barang seperti beg sandang, beg kecil, tabung air dan berbagai-bagai lagi seperti buku-buku risalah dan sebagainya. Saya berharap perkara yang sedemikian ini hendaklah diberi terlebih dahulu sebulan atau sebagainya kerana buku-buku itu hendak digunakan juga beg yang diberi itu tidak payah lagi jumaah

haji beli dahulu, sampai di Subang hendak bawa beg tambahan lagi, ini memberatkan.

Saya dapati banyak beg-beg ini dibuangkan sahaja sama ada di Jeddah, di Mina dan sebagainya; tidak dibawa balik—ini merugikan LUTH. Selain daripada itu pula saya dapati ada jemaah-jemaah Haji daripada negara-negara lain yang lebih fanatik pernah merampas beg-beg kita kerana beg Tabung Haji yang dibawa untuk bekas buku, risalah dan sebagainya ialah lambang sebagaimana yang ada di dalam Dewan ini, mengikut mereka bahawa lambang ini adalah haram. Jadi jemaah Haji Malaysia sendiri pun tidak faham apa itu lambang. Saya fikir lebih elok LUTH mengadakan bendera Malaysia dengan warnanya sekali dan beg itu biarlah dengan warna yang lebih cantik sebagaimana yang diberi oleh pihak Iran atau Pakistan sebagaimana yang saya lihat di sana.

Perkara yang ketiga ialah berhubung dengan bayaran menunaikan fardhu Haji \$4,500. Tuan Yang di-Pertua, apakala jemaah Haji sampai di Jeddah biasanya jemaah Haji akan diberi 2,200 rial. Masalahnya 2,200 rial ini tidak dapat berbuat apa-apa oleh kerana contohnya Sheikh-sheikh Haji di Mekah ini telah menentukan bayaran rumahnya mengikut kadar masing-masing. Sebagai contohnya kepada saya sendiri, untuk bayaran rumah tinggal di Madinah 600 rial, di Mekah 1,700 rial; telah jadi 2,300 rial sedangkan kita dapat 2,200 rial; 100 rial lagi tidak cukup, belum lagi untuk bayaran dam, makan minum untuk sebulan lagi. Saya rasa tidak mustahak kita menaikkan bayaran untuk menunaikan Haji tetapi masalahnya ialah bayaran di Mekah, di Madinah itu ada yang 250 rial dan ada yang 150 rial. Saya berharap supaya pihak Kerajaan kita atau LUTH sendiri dapat menentukan satu cara supaya jemaah Haji Malaysia dapat membayar mengikut kadar yang disediakan oleh Malaysia, bukan sampai di Mekah baru diberitahu bahawa bayarannya sekian. Ramailah jemaah-jemaah Haji di Mekah telah menghadapi masalah dalam perkara kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini hendak menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua mereka yang terlibat di dalam tugas

masing-masing iaitu kepada badan kebajikan jemaah Haji (LUTH) yang berkhidmat di Tanah Suci; pihak doktor perubatan kita, MAS dan sebagainya yang telah berkhidmat dengan sungguh hati, tidak kenal siang dan malam. Ini telah mendapat kepujian daripada semua jemaah Haji, akan tetapi saya hendak timbulkan di sini ialah sedikit sahaja iaitu kepada pihak Kementerian Kesihatan. Manusia tetap manusia, tidak ada gajah yang tidak hodoh, tidak ada gading yang tidak retak. Walaupun perkhidmatan pegawai-pegawai kesihatan kita di Mekah, Madinah, Mina dan sebagainya siang dan malam 24 jam, tetapi ada di antara pegawai-pegawai kita, terutama pihak doktor, saya rasa kenalah kita beri kursus psikologi sedikit dalam melayan jemaah-jemaah Haji kita. Saya contohkan umpamanya perkataan-perkataan "Ah, di Mekah ini Allah Taala sahaja yang tidak sakit, semua orang sakit!". Jadi bagi seorang jemaah Haji yang tidak ada saudara-mara yang sakit terasa pilu dengan ucapan yang demikian. Atau dengan perkataan-perkataan "Oh, kalau begini awak hendak turun juga ke Mekah, lebuahlah!". Jadi sayulah hati jemaah-jemaah Haji kita hendak pergi ke Mekah. "Lebuahlah" itu maknanya "habislah". Walaupun ucapan yang sedemikian itu hanya gurau senda atau main-main sahaja tetapi kita meninggalkan rumahtangga jauh di tempat orang ini saya rasa hendaklah layanan-layanan yang menimbulkan masalah kepada mereka juga patut ditimbangkan oleh pihak Kerajaan atau LUTH sendiri. Saya dapati di Mekah tidak ada kereta ambulan yang lebih sesuai untuk mengendalikan 22,000 lebih jemaah Haji dari Malaysia, tidak sebagaimana daripada Libya dan sebagainya, ada banyak keretanya; kita ada sebuah sahaja. Jadi manakala ada jemaah-jemaah Haji yang sakit di sesebuah rumah terutama sekali di rumah-rumah Sheikh yang terpencil kita tidak dapat membawa jemaah Haji yang sakit ini ke klinik kita yang berhampiran. Sebagai contohnya sebagaimana tempat tinggal saya bersama-sama dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen dari Gerik yang jauhnya saya fikir hampir 2 batu, dalam keadaan yang teruk kita terpaksa lagi menyewa teksi 50 rial seorang. Kalau 3 orang hendak pergi dan balik 100 rial sedangkan yang tadi pun tidak cukup lagi. Berhubung dengan masalah ini ada setengah-setengah Sheikh dapat melayan kita dengan

baik tetapi setengah-setengah Sheikh tidak. Saya nampak Sheikh-sheikh Haji inipun takutkan juga kepada pegawai-pegawai LUTH kita. Saya harap pada masa akan datang pegawai LUTH kita hendaklah ditambah lagi supaya dapat menziarahi tiap-tiap rumah, dapat menziarahi segala kelemahan yang berlaku di sana.

Selain daripada itu juga saya dapati ramai benar jemaah-jemaah Haji kita yang sesat. Masalahnya ialah tidak tahu di mana hendak dituju. Jadi saya mencadangkan supaya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji dapat menempatkan pegawai-pegawainya bergilir-gilir di mesjid Madinah, Mekah atau di mana-mana supaya dapat kita tumpu ke situ. Kita hendak cari pegawai-pegawai Tabung Haji itupun tidak tahu siapa dia kalau tidak ada yang berpakaian sebagaimana yang saya dapati daripada Indonesia dan sebagainya. Jadi sama ada mereka ada hadir atau tidak tetapi kita tidak kenal, saya tidak tahu tetapi ini hendaklah diambil perhatian kerana ramai jemaah-jemaah Haji kita yang sesat, tidak dapat balik dan berbagai-bagai yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri di dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini, saya minta izin iaitu saya hendak menyampaikan lagi sekali ucapan terima kasih saya kepada semua pihak. Jemaah Haji terutama sekali mereka yang pernah menunaikan Haji sebelum adanya LUTH dahulu yang mengambil Haji pada tahun ini pernah berkata bahawa jika tidak ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji kita mungkin ada jemaah-jemaah Haji kita dari Malaysia merempat dan sebagainya. Jadi perbezaan kebaikan yang diterima oleh jemaah Haji dengan adanya Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ibarat langit dengan bumi baiknya. Jadi segala kebaikan ini saya rasa bukan sahaja telah dipuji pada peringkat Kerajaan tetapi oleh jemaah-jemaah Haji daripada kampung-kampung yang mengakui bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah satu badan yang sangat baik yang dapat menolong dan memberi faedah kepada umat muslimin di negara kita ini yang hendak menunaikan fardhu haji ke Mekah tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya. Dengan itu lagi sekali saya menyokong Belanjawan 1982 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.19 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Bismillahir-rahman-nirrahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan pada tahun ini dan dengan ini saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang menggalakkan semua pihak pekerjaan: orang besar, orang kecil, pekedai, pelancung dan sebagainya. Ini rasa saya satu petanda yang baik kerana orang ramai tidak lagi bersusah payah pergi ke Singapura untuk membeli-belah barang-barang kesukaan mereka seperti kamera, pena, kosmetik dan sebagainya.

Saya percaya dengan adanya kelonggaran harga yang boleh dikatakan sama dengan Singapura itu maka saya yakin pasaran dalam negeri kita akan bertambah lebih baik lagi, tidaklah seperti sekarang ini orang ramai berpusu-pusu tertumpu ke Singapura. Ini juga saya rasa boleh menarik pelancung-pelancung ke negeri kita kerana apabila mereka berada di Malaysia mereka tidak payah lagi untuk membeli-belah di Singapura. Satu pujian harus diberi kepada Kerajaan khususnya kepada Menteri Kewangan kita. Syabas!

Di samping itu saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pucuk pimpinan yang baru yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalannya. Pucuk pimpinan kita yang baru sebagaimana yang kita semua tahu bahawa beliau adalah seorang yang dinamik dan progresif. Ketegasan beliau dalam menjalankan pentadbiran negara adalah

disanjung tinggi oleh rakyat. Kita tahu bahawa sesebuah negara yang membangun berkehendakkan politik yang stabil, begitu juga dengan kekuatan pertahanan dan keselamatan negara. Apa juga yang hendak dilaksanakan adalah berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan sebanyak 23.8%. Peruntukan yang besar ini khususnya ditumpukan kepada pembelian alat-alat kelengkapan senjata moden dan sofistikated. Begitu juga berkehendakkan kepada pembesaran angkatan tentera di samping latihan para militari yang secukupnya. Kita tidak nafikan bahawa pertahanan negara memainkan peranan yang penting untuk menjaga keselamatan negara ini. Dalam pada itu kita juga hendaklah berhati-hati dalam memberikan peruntukan yang begitu besar kepada pertahanan negara. Apa yang perlu saya rasa ialah kekuatan pertahanan udara dan laut yang perlu diberi perhatian yang serius di samping kekuatan darat kerana peperangan moden dan secara terbuka sekarang ini berkehendakkan senjata-senjata yang sofistikated.

Kita boleh mengkaji peristiwa peperangan yang berlaku di Timur Tengah di mana sebuah negara kecil boleh mengalahkan beberapa buah negara besar. Contoh-contoh ini boleh memberi perbandingan kepada kita. Dalam pada itu hendaklah juga difikirkan bahawa dengan pembelian senjata-senjata yang sofistikated ini dengan sendirinya akan meninggikan lagi atau menaikkan lagi mata wang dolar Amerika yang pada umumnya sekarang ini telah jatuh akibat peperangan di Vietnam sedikit masa dahulu.

Jika sekiranya banyak negara-negara memberi perhatian yang lebih kepada pembelian senjata maka secara tidak langsung ia memberi harapan yang besar kepada kuasa-kuasa besar untuk berlumba-lumba untuk meluaskan pemasaran senjata di samping dapat memperluas atau menaikkan lagi mata wang masing-masing.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun Malaysia berkehendakkan pakar-pakar teknologi dari negara-negara

maju. Pemindahan teknologi ini perlu bagi kita dan kita tidak mestinya bergantung semata-mata kepada pakar-pakar luar negeri. Sebagai sebuah negara pengeluar minyak kita juga berkehendakkan pakar-pakar teknologi kita dihantar ke seberang laut guna untuk mempelajari teknik moden dari negara-negara maju khususnya dari negara-negara OPEC di mana kita boleh mempelajari dengan banyaknya dari mereka. Kita juga boleh mempelajari dari Indonesia mengenai kepakaran teknologi daripada segi perusahaan petroleum yang dikendali oleh Perusahaan Minyak Negara iaitu PERTAMINA. Malaysia juga sebagai sebuah negara pengeluar getah yang terbesar di dunia tetapi walau bagaimanapun Malaysia tidak juga dikenal oleh setengah-setengah negara di dunia ini disebabkan bahawa penguasaan pasaran getah adalah berpusat di England.

Kita bersyukur bahawa sedikit demi sedikit pasaran kita yang berpusat di England ini akan bertukar corak dengan adanya pembelian saham-saham terbesar yang diberi dari Guthrie yang mempunyai 200,000 ekar ladang getah di Malaysia. Kini majoriti saham yang terbesar adalah di tangan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Kita memuji langkah-langkah tegas dan berani yang diambil oleh PNB dan dengan perusahaan saham yang terbesar itu mudah-mudahan PNB akan bergerak lebih cergas lagi bukan sahaja pembelian saham-saham Guthrie tetapi juga dari ladang-ladang getah seperti Boustead, Socfin dan juga Harrisons and Crossfield.

Pembelian saham-saham ini tentu sekali ada pihak-pihak yang tidak begitu gemar akan wujudnya majority control oleh PNB tetapi sebagai satu langkah demi competition PNB harus berlumba-lumba di dalam mencapai objektif negara yang mana sektor perladangan memainkan peranan utama yang penting dalam membangunkan negara ini. Sektor perladangan ini termasuklah palm oil, cocoa, lada hitam dan tropical hardwood. Pengurusan atau majoriti control bagi sumber-sumber bahan utama industri negara ini rasa saya adalah perlu dan ianya hendaklah dipandang di dalam konteks national interest.

Pada masa ini perusahaan lada hitam terdapat di Johor dan Sarawak. Oleh kerana tanaman lada hitam ini mendapat pasaran yang baik di seluruh negara saya rasa adalah wajar bagi FELDA atau badan-badan yang didukung oleh Kerajaan mengambil daya utama memperluaskan tanaman lada hitam ini. Saya rasa bukan sahaja negeri Johor dan Sarawak sahaja yang mempunyai potensi dalam sektor ini tetapi mungkin juga ada negeri-negeri lain yang mempunyai tanah-tanah yang subur yang boleh diusahakan tanaman lada hitam ini. MARDI umpamanya tentu boleh membuat kajian seperti ini di mana tanah-tanah yang subur boleh digunakan untuk tanaman lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal limbungan kapal Malaysia perlu memperbesarkan limbungan kapal yang ada sekarang ini. Sebagai sebuah negara yang berpantai kita tentu memerlukan bot-bot ronda yang laju. Untuk memajukan perusahaan ini agensi-agensi Kerajaan seperti Kastam, Merin Polis, Port Commission dan sebagainya boleh menambah bot-bot tersebut menerusi syarikat ini. Secara tidak langsung ia boleh memberi harapan yang cerah kepada syarikat ini. Dalam pada itu syarikat ini juga perlu mengembangkan perusahaan untuk mencari pasaran di luar negeri supaya tidaklah tertumpu kepada permintaan di dalam negeri sahaja. Pengawalan, penyelidikan dan penerangan boleh memainkan peranan mereka untuk memperluas perkembangan syarikat ini. Maju mundurnya syarikat ini adalah bergantung kepada pemasarannya.

Dalam soal bahan-bahan binaan juga adalah satu masalah yang besar yang dihadapi oleh bumiputra. Selalunya bumiputra menerima berbagai-bagai tekanan dan akhirnya mereka terpaksa gulung tikar. Begitu juga dengan import eksport. Lapangan ini boleh dikatakan lapangan yang baru bagi bumiputra. Pendeknya kalau tidak ada galakan dan dorongan daripada Kerajaan nescaya bumiputra tidak boleh maju. Telah menjadi tradisi dan amalan sekarang ini bahawa kedua-dua lapangan ini dikontrol oleh satu kaum sahaja dan adalah sukar bagi bumiputra untuk bergerak maju sekiranya monopoli kontrol berada di tangan mereka. Saya berpendapat bahawa oleh kerana PNB

telah dapat memecahkan monopoli kontrol dan dalam pasaran getah tanahair maka eloklah sekiranya PNB juga memainkan peranannya yang sama di dalam kedua-dua sektor ini. Pengurusan monopoli kontrol ini harus dipecahkan dan dengan yang demikian penemuan harga barang-barang dan bahan-bahan binaan dapat dipersetujui sama oleh sektor swasta dengan PNB. Kita yakin dan percaya PNB boleh memainkan peranan di dalam kedua sektor tersebut.

Sejak akhir-akhir ini pembayaran road tax dan bayaran membaharui dan menubuhkan syarikat juga pembayaran cukai tanah dan sebagainya tidak lagi diterima dengan cheque. Kononnya dengan alasan banyak cheque yang melantun. Bagi orang-orang yang hendak membawa wang tunai kadang-kadang menjadi masalah juga. Ada kalanya Cashier tidak mahu menerima sekiranya tidak membawa wang kecil atau wang tukar. Ini menjadi satu masalah kepada orang ramai. Saya berpendapat bahawa pihak-pihak yang berkenaan boleh membuat satu undang-undang atau peraturan bahawa sekiranya terdapat pembayaran cukai Kerajaan ini chequanya melantun ia hendaklah dikenakan compound mengikut kadar bayarannya, saya

yakin pengesyoran bahawa kadar-kadar denda bagi satu cheque pembayaran yang melantun ini hendaklah didenda tidak kurang daripada \$10. Sekiranya ia tidak dibayar dalam masa seminggu bayaran denda akan meningkat dua kali ganda dan kali ketiga pula lesen perniagaan atau lesen kereta boleh digantung hingga setahun.

Saya percaya di antara banyak pembayaran cukai ini barangkali ada segelintir sahaja yang chequanya melantun. Ini bukan sahaja semua kerja-kerja pentadbiran tidak susah dengan satu panggilan telefon ia tidak menjelaskan chequanya dalam masa seminggu denda compound akan dikenakan. Saya rasa dengan tindakan yang sebegini bukan sahaja menjadikan pentadbiran kita lebih efficient tetapi juga boleh mendapat hasil kepada negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak sambung lagi? Boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 28hb Oktober 1981.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*